

**PENYATA RASMI**  
**MESYUARAT KEEMPAT**  
**BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA**  
**DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KHAMIS**

**20 FEBRUARI 2014**

**BIL. 4 TAHUN 13**

**HADIR**

Y.B. Speaker,  
Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

Y.A.B. Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.  
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., DSPN., SMJ., PIS.  
(Permas)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.  
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday  
(Mahkota)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.  
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.  
(Pulai Sebatang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN.  
(Benut)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyantathan a/l Ramanadhan, AMN.  
(Kahang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim  
(Layang-Layang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Abd. Latif bin Bandi, DPSM, PSM.  
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed  
(Bukit Serampang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Datuk Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK.  
(Sri Medan)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

Y.B. Encik M. Asojan a/l Muniyandy, AMN.  
(Gambir)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

Y.B. Dato' Dr. Adham bin Baba, DMSM.  
(Pasir Raja)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

Y.B. Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

Y.B. Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

Y.B. Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

Y.B. Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

Y.B. Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

Y.B. Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

Y.B. Dr. Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

Y.B. Puan Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

Y.B. Datin Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

Y.B. Datuk Tengku Putera Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat  
(Kempas)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

Y.B. Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

Y.B. Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

Y.B. Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

Y.B. Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

Y.B. Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

Y.B. Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

Y.B. Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

Y.B. Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

Y.B. Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

Y.B. Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

Y.B. Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

Y.B. Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

Y.B. Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

Y.B. Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

### **TURUT HADIR**

### **(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Obet bin Tawil, DPMJ., PLP., PIS.

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., SMP.

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Marsan bin Kassim, SMJ., PIS.

### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSP., PPN.  
(Kemelah)

Y.B. Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naning)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**Y.B. Datuk Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATUK SPEAKER.**

**Y.B. Datuk Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan selawat). Salam sejahtera, selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pertama saya mengucapkan selamat datang dan selamat kita bersidang bagi Mesyuarat Keempat Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Ketiga Belas pada hari ini Khamis, 20 Februari 2014. Saya harap persidangan kita ini akan dapat kita jalankan dengan lancar dan berjaya untuk memenuhi segala agenda yang telah pun disusun mengikut Peraturan-Peraturan Dewan Negeri untuk mesyuarat kali ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sepertimana yang semua sedia maklum, mulai Januari 2014 cuti mingguan Negeri Johor telah pun ditukar kepada hari Jumaat dan Sabtu, berikutan dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Sesungguhnya Dewan ini merakamkan ucapan menjunjung titah dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas pengisytiharan cuti mingguan tersebut yang kita ikuti daripada Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Ibrahim daripada tahun 1914 sepertimana yang dicatatkan dalam sejarah. Alhamdulillah.

Seterusnya, Dewan ini ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pengurniaan Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia Pangkat Pertama Dato' Seri Mahkota Johor semasa Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada 23 November 2013 yang lalu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa Majlis Amanat Bersama Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor pada 13 Februari yang lalu mengenai pemberian pinjaman perumahan tanpa faedah. (Dewan bertepuk). Saya ulangi sekali lagi tanpa faedah kepada anggota perkhidmatan Negeri Johor amatlah dialu-alukan dan diucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana begitu prihatin dengan penjawat awam dalam usaha untuk membantu meringankan kos sara hidup yang tinggi. Moga-moga pemberian ini dapat juga dipanjangkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. (Dewan bertepuk). Jurutulis.

**Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.**

**Y.A.B. Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 1 hingga 3 Tahun 2014.

[ Bilangan 1 Tahun 2014 - Anggaran Perbelanjaan Tambahan Ketiga Tahun 2013.

Bilangan 2 Tahun 2014 - Penyata Kewangan Negeri Johor 2012.

Bilangan 3 Tahun 2014 - Laporan Ketua Audit Negara 2012 dan Penyata Memorandum mengenai :

- Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Johor Tahun 2012.
- Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Siri 3 Tahun 2012.]

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 4 hingga 5 Tahun 2014.

[ Bilangan 4 Tahun 2014 - Penyata Kewangan Yayasan Pelajaran Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012.

Bilangan 5 Tahun 2014 - Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012. ]

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2014.

[ Bilangan 6 Tahun 2014 - Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012. ]

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 7 hingga 10 Tahun 2014.

[ Bilangan 7 Tahun 2014 - Penyata Kewangan Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012.

Bilangan 8 Tahun 2014 - Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012.

Bilangan 9 Tahun 2014 - Penyata Kewangan Tabung Pembangunan Masjid dan Amal Jariah Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012.

Bilangan 10 Tahun 2014 - Penyata Kewangan Perbadanan Islam Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012. ]

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 11 hingga 15 Tahun 2014.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 16 Tahun 2014.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Asas Tani bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 17 Tahun 2014.

**Jurutulis : SOALAN LISAN**

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

**Y.B. Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 1.

Kos sara hidup yang tinggi yang didakwa semakin meningkat, berpunca dari faktor tertentu. Apakah faktor-faktor tersebut dan bolehkah kita mengatasi secara sistematik demi meyakinkan rakyat terhadap keupayaan pemerintah Negeri Johor kini.

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat Sungai Abong, jemput.

**Y.B. Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 2.

Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam membantu Kerajaan Pusat untuk menangani masalah kenaikan sara hidup untuk rakyat negeri ini?

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat Jorak, jemput.

**Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh (Jorak) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 3.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menangani kenaikan kos sara hidup yang sering diperkatakan rakyat sekarang?



**Y.A.B. Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat Pasir Raja, Jorak dan Sungai Abong bersekali.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian, Kerajaan Negeri sedar tentang peningkatan kos sara hidup yang sedang dihadapi oleh rakyat di negeri ini. Sungguhpun begitu, ingin saya nyatakan bahawa isu peningkatan kos sara hidup ini sebenarnya bukanlah hanya berlaku di negara ini tetapi ia juga sedang berlaku di kebanyakan negara dunia termasuk di negara-negara maju.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat beberapa faktor yang dilihat menyebabkan kos sara hidup meningkat, antaranya faktor segelintir peniaga yang meningkatkan harga barang pada kadar yang tidak munasabah. Begitu juga dengan penglibatan orang tengah yang turut dilihat sebagai antara faktor peningkatan harga barang. Selain itu, peningkatan harga hartanah juga menyekat kuasa membeli atau *purchasing power* rakyat dengan izin, kerana sebahagian besar daripada pendapatan bulanan isi rumah di negeri ini diperuntukkan untuk membayar balik bayaran pinjaman perumahan selain daripada perbelanjaan lain. Justeru menyedari hakikat tersebut, selain daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri telah menggariskan beberapa langkah proaktif di dalam menangani masalah kos sara hidup di Negeri Johor. Antaranya:

1. Menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi memastikan sasaran penyediaan rumah mampu milik mencukupi bagi rakyat Negeri Johor. Seperti semua sedia maklum, Kerajaan Negeri telah mensasarkan pembinaan sebanyak sekurang-kurangnya 28,000 unit rumah kos rendah dan mampu milik yang akan dibina di negeri ini sepanjang tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2013 sehingga 2018.
2. Meluaskan program rebat air sebanyak 25 meter padu untuk penduduk miskin dan miskin tegar di negeri ini yang tersenarai di dalam sistem e-Kasih. Bantuan rebat ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban kira-kira 5,000 rakyat miskin dan miskin tegar dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup. Dalam Dewan yang mulia ini, saya suka umumkan bahawa program rebat air untuk 5,000 penduduk miskin dan miskin tegar ini akan bermula pada bulan April tahun ini.
3. Meningkatkan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan di dalam memperbanyakkan kewujudan Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik Rakyat 1Malaysia dan menambah bilangan Pasar Tani dan Pasar Ikan di Negeri Johor. Bagi Klinik Rakyat 1Malaysia, pembinaan tambahan sebanyak 4 buah Klinik 1Malaysia akan dibina daripada 23 buah klinik sedia ada. Pada tahun ini, pihak FAMA akan menambah 6 buah pasar tani di seluruh Negeri Johor daripada 55 pada tahun 2013. Untuk pasar ikan

pula, sebanyak 12 lagi akan ditambah pada tahun ini dan tahun hadapan berbanding buat ketika ini hanya 4 buah sahaja yang disediakan.

4. Kerajaan Negeri juga mengarahkan setiap Pihak Berkuasa Tempatan mewujudkan Yayasan PBT, di mana setiap PBT akan menyumbangkan 1% daripada hasil mereka kepada Yayasan berkenaan untuk menjalankan program dan aktiviti-aktiviti yang boleh membantu meringankan kos beban sara hidup di kawasan masing-masing terutama melibatkan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Dan insya-Allah, Yayasan ini akan mula dilancarkan pada pertengahan tahun ini.
5. Bagi membantu meringankan beban kakitangan awam di negeri ini seperti yang juga yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Datuk Speaker, Kerajaan Negeri telah bersetuju menghapuskan kadar faedah pinjaman perumahan Kerajaan Negeri yang sebelum ini sebanyak 4%. Ini memberi manfaat kepada kira-kira 14,000 penjawat awam di negeri ini dan saya juga suka umumkan bahawa ia termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli Dewan Undangan Negeri (Dewan bertepuk) yang layak membuat pinjaman perumahan melalui Kerajaan Negeri.
6. Selain itu Kerajaan Negeri juga telah bersetuju menaikkan kelayakan pendapatan isi rumah penjawat awam daripada RM3,000 kepada RM5,000.00 bagi tujuan pemberian subsidi yuran pengasuhan taska di tempat kerja sektor awam. Kadar subsidi yang layak diberi adalah mengikut kadar yuran sebenar atau maksimum RM1800.00 bagi seorang anak.
7. Kerajaan Negeri juga menyedari peri pentingnya pembangunan modal insan daripada sudut kecemerlangan akademik dan ia seharusnya dapat juga meliputi anak-anak mereka yang terdiri daripada golongan kurang berkemampuan. Justeru, Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pelajaran Johor memperkenalkan Program Tuisyen SPM YPJ supaya anak-anak dari golongan kurang berkemampuan di negeri ini turut berpeluang menikmati pembelajaran tambahan di luar waktu persekolahan. Ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan ruang meningkatkan prestasi pendidikan terus terbuka luas walaupun dengan peningkatan kos sara hidup secara keseluruhan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dengan inisiatif-inisiatif tersebut jelaslah menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan sentiasa berusaha untuk membantu rakyat dalam berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup. Namun, tanpa sokongan dan permuafakatan antara pihak

Kerajaan dan rakyat, segala inisiatif yang diperkenalkan ini sudah tentulah tidak akan mencapai matlamatnya.

**Y.B. Datuk Speaker** : Jorak.

**Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh (Jorak)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan. Terima kasih kepada Dato' Menteri Besar yang telah pun memberikan jawapan. Cuma ada soalan tambahan, apakah bentuk langkah-langkah yang nak diambil bagi menangani kos sara hidup khususnya dalam sektor pertanian yang mana ada kaitan langsung dengan kenaikan harga barang-barang makanan? Terima kasih.

**Y.A.B. Menteri Besar** : Terima kasih Yang Berhormat daripada Jorak. Seperti yang telah saya katakan tadi, bahawa antara usaha-usaha yang akan kita lakukan daripada sudut sektor pertanian ialah dari segi kita menambah jumlah pasar-pasar tani dan juga pasar-pasar ikan. Dan ini termasuk usaha kita untuk membantu pihak FAMA untuk menyediakan pasar-pasar tani yang kekal. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri akan mengambil pendekatan lautan biru bagi kita tentukan bahawa usaha-usaha kita ini dapat dijayakan dengan segera. Di mana buat ketika ini pihak Kerajaan Negeri sedang mengenal pasti tapak-tapak tanah dan lokasi yang sesuai untuk dibina dengan segera pasar-pasar tani dan juga pasar-pasar ikan ini yang apabila telah dikenal pasti, maka usaha untuk menyediakan akan dilakukan oleh pihak Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pertanian.

Dan, apa sahaja yang telah saya umumkan sebentar tadi, ianya tidak terhad kepada perkara-perkara tersebut. Dari semasa ke semasa pihak Kerajaan Negeri berasaskan juga daripada input, daripada segenap lapisan masyarakat kita akan memperkenalkan banyak cadangan-cadangan dan usaha-usaha baru mungkin termasuk melalui sudut pertanian, bagaimana kita nak membantu rakyat, bagi berhadapan dengan kos hidup yang tinggi.

**Y.B. Datuk Speaker** : Yang Berhormat Skudai.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Terima kasih Datuk Speaker. Saya ucapkan terima kasih terlebih dahulu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebab telah memberikan jawapan untuk menangani masalah kenaikan kos sara hidup dari segi mikro ekonomi. Dan, soalan saya adalah berkenaan bagaimana pendekatan makro ekonomi untuk menangani masalah kenaikan sara hidup, khasnya kadar pertukaran wang ringgit Malaysia telah menurun sebanyak 13% pada 12 bulan yang lalu ini? Apa sebabnya mengakibatkan penurunan kadar pertukaran wang ringgit Malaysia?

**Y.B. Datuk Speaker** : Ini isu lain Yang Berhormat? Ini soal sara hidup. Jadi soalan itu dah berbeza sikit dengan soalan asal.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Boleh saya bagi representasi, sebab kalau kadar penukaran wang ringgit Malaysia menurun akan mengurangkan kuasa beli rakyat dan juga dan mengakibatkan juga kenaikan kos sara hidup. Oleh itu saya rasa apakah boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri khususnya dalam projek Iskandar Malaysia untuk meyakinkan para pelabur bahawa kalau mereka melabur di Iskandar Malaysia, nilai...

**Y.B. Datuk Speaker** : Ini pun dah lari daripada soalan asal Yang Berhormat. Silalah Yang Amat Berhormat nak jawab, jawablah, tak jawab pun tak apa.

**Y.A.B. Menteri Besar** : Hanya secara sepintas lalu Yang Berhormat Datuk Speaker, bahawa soal kadar pertukaran ini dia ada turun, dia ada naik. Yang kedua, ianya bukan semata-mata soal faktornya melalui boleh diatasi oleh Kerajaan Negeri tetapi sewajarnya juga dilihat dan diberi perhatian oleh Kerajaan Pusat. Tetapi dalam keadaan walaupun mungkin kadar mata wang kita rendah dan sebagainya ada juga manfaat dan kebaikan khususnya dari segi negeri dan negara kita akan terus menjadi tempat tarikan untuk pihak luar melabur di sini kerana faktornya yang rendah dan sebagainya. Hanya yang penting ialah kesanggupan di negeri ini khususnya untuk tentukan kita dapat menaikkan pendapatan dan gaji pekerja-pekerja dalam negeri kita. Dan ini saya berharap semua Wakil Rakyat termasuk Yang Berhormat di sebelah sana menentukan syarikat-syarikat bersedia untuk memberi gaji yang tinggi dengan barangan kita murah kita dapat tingkatkan eksport.

Bila dapat tingkatkan eksport, syarikat akan dapat pendapatan yang lebih baik. Pendapatan yang lebih baik mesti dikongsi dengan pekerja. Yang ini, *return to investment and return to employment*, dengan izin, yang tidak berlaku dalam negara kita termasuklah di Negeri Johor, pendapatan rakyat, gaji sangat murah. Jadi, saya percaya Yang Berhormat banyak hubungan dengan pihak syarikat swasta, beritahu mereka untuk sama turut membantu rakyat, naikkan gaji mereka. (Dewan bertepuk).

**Y.B. Datuk Speaker** : Sungai Abong.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sg. Abong)** : Terima kasih Datuk Speaker. Menjadi satu kebimbangan rakyat pada masa sekarang ini oleh kerana harga-harga rumah dan harga tanah telah meningkat tinggi. Jadi, rakyat sekarang ini sedang tertanya-tanya, adakah dengan kenaikan harga harta tanah dan perumahan ini akan naikkan cukai-cukai harta dan cukai-cukai tanah kerana cukai ini bila dinaikkan akan menambahkan beban sara hidup rakyat. Terima kasih.

**Y.B. Datuk Speaker** : Sila.

**Y.A.B. Menteri Besar :** Terima kasih Yang Berhormat. Memang dengan peningkatan semua harga ianya juga termasuk peningkatan kepada harga rumah. Dan kita sedia maklum sememangnya bagi mana-mana kita yang memiliki rumah, kita mahukan supaya nilai kepada rumah kita itu bertepatan dengan harga sebenar. Jadi, sama ada kita suka ataupun tidak, penilaian harga rumah itu memang akan naik kerana kita tahu setelah beberapa tahun takkan harga rumah kita turun, harga rumah kita memang akan naik. Dan, sudah tentulah ini juga akan memberi kesan apabila kita perlu membayar cukai harta. Jadi atas sebab itulah, dalam Pihak Berkuasa Tempatan mengkaji untuk melihat kepada soal pengenaan cukai harta, kita di Johor ini dalam keadaan penilaian harga rumah naik, ada setengah-setengah jenis harta yang kita akan turunkan kadar cukai harta supaya pemilik rumah tidak perlu membayar harga yang lebih walaupun nilai rumah mereka naik.

Jadi, itu pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan kita berharap Yang Berhormat semua sedia maklum tindakan yang kita buat.

**Y.B. Datuk Speaker :** Terima kasih Yang Amat Berhormat. Yang Berhormat Jorak jemput.

**Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 4.

Banyak sungutan berkenaan sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah oleh para guru. Apakah isu-isunya dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam perkara ini?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Datuk Speaker, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang melaksanakan 2 jenis kokurikulum yang baru iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah menggantikan kurikulum lama iaitu Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah, di mana kedua-dua kurikulum ini mengguna pakai sistem pentaksiran berasaskan sekolah. Dalam pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah ini, terdapat 3 isu utama yang dikenal pasti iaitu PBS membebankan para guru. Kedua, guru-guru perlu menyediakan lebih banyak *evidence* dan yang ketiga kesukaran yang dihadapi oleh guru untuk memasukkan prestasi murid dalam Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

Isu yang pertama yang dikenal pasti seperti mana saya katakan tadi ialah pelaksanaan PBS dianggap membebankan para guru. Penambahbaikan PBS yang dilaksanakan melalui tahun 2011 di sekolah rendah, manakala tahun 2012 di sekolah menengah merupakan satu bentuk taksiran yang bersifat holistik yang menilai aspek kognitif yakni intelek, afektif yakni emosi dan rohani,

psikomotor yakni jasmani dan sosial yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Jika diamati dengan mendalam sebenarnya tidak timbul masalah membebaskan guru kerana pelaksanaan PBS ini sebenarnya telah dilakukan oleh guru sebelum ini, namun terdapat beberapa penambahbaikan dalam pengurusannya. Dalam PBS ia menaksir proses dan produk secara formatif dan sumatif dengan mengamalkan konsep *assessment for learning* dengan izin, dan *assessment for learning, of learning*. Dua konsep ini merupakan kesinambungan terhadap apa yang telah dilakukan oleh guru sebelum ini. Sebagai contoh, sebelum ini guru melaksanakan pembelajaran dan pengajaran tetapi pada kali ini ditambah satu lagi B iaitu pentaksiran.

Dalam penambahbaikan PBS, guru boleh mempelbagaikan *instrument* pentaksiran sebagaimana yang terdapat pada Buku Panduan Pengurusan PBS yang diterbitkan oleh Lembaga Peperiksaan yang menjelaskan tentang 12 jenis instrumen pentaksiran yang boleh digunakan bergantung kepada kreativiti guru. Sebagai langkah awal, Jabatan Pendidikan Johor telah mengadakan program pementakan PBS bersama-sama guru-guru besar, pengetua dan wakil guru berhubung dengan pengendalian dan pengurusan PBS serta memberikan pemahaman pelaksanaan penambahbaikan PBS ini. Pengurusan sekolah juga telah diingatkan agar Jawatankuasa PBS yang ditubuhkan di peringkat sekolah perlu berfungsi dan memainkan peranan masing-masing.

Selain daripada itu, Jabatan Pendidikan Negeri juga sentiasa melaksanakan program bimbingan dan kunjung bantu ke sekolah-sekolah bagi memastikan PBS dapat dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Isu yang kedua yang dikenal pasti dalam pelaksanaan PBS ini ialah guru-guru perlu menyediakan banyak *evidence*. Penyediaan *evidence* perlulah berdasarkan kepada dokumen standard prestasi yakni DSP yang merupakan panduan kepada guru untuk menaksir dan melaporkan penguasaan murid mengikut tahap-tahap pencapaian yang dihasratkan dalam kurikulum.

Ia dibina sebagai panduan untuk menambah baik pentaksiran sekolah. Lembaga Peperiksaan telah membuat penambahbaikan kepada bilangan *evidence* dalam dokumen standard prestasi ini. Jawatankuasa PBS sekolah juga perlu memainkan peranan dalam menentukan apakah bentuk *evidence* yang sesuai digunakan dalam pentaksiran sama ada dalam bentuk *evidence* bahan atau *evidence* murid di mana *evidence* hendaklah memenuhi ciri-ciri *evidence* yang ditetapkan dalam buku pengurusan sekolah.

Isu yang ketiga yang dikenal pasti ialah kesukaran untuk memasukkan prestasi murid dalam sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah yakni SPPBS. Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah ialah sistem yang dibangunkan untuk merekod dan menyimpan maklumat penguasaan murid

dalam PBS. Laporan prestasi murid boleh dijana daripada aplikasi ini. Dan mulai April 2014 Kementerian Pendidikan Malaysia akan membangunkan modul PBS baru yang menggunakan teknologi JAVA dan HTML 5 yang lebih cekap, ringkas, ringan serta diintegrasikan dalam sistem pengurusan sekolah yang akan menyediakan keupayaan cache dengan izin, bagi membolehkan sistem urusan taksiran berasaskan sekolah ini terus beroperasi sebagai *single window* dengan izin.

Sehubungan itu, pihak Pengetua, Guru Besar dan Jawatankuasa PBS perlu memastikan guru-guru memasukkan prestasi secara berkala selepas pelaksanaan pentaksiran dan yakin murid telah menguasai kemahiran tersebut. Para guru juga dinasihatkan untuk tidak menunggu saat-saat akhir bagi memasukkan prestasi murid-murid mereka.

**Y.B. Datuk Speaker** : Yang Berhormat Jorak.

**Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO atas penjelasan. Soalannya ialah apakah langkah seterusnya yang bakal diambil oleh pihak Kerajaan apabila nak dilakukan penilaian semula? Adakah peperiksaan PMR bakal diadakan pada tahun ini, kerana kita tahu bahawa para pelajar dan terutamanya ibu bapa sedang menunggu-nunggu keputusan Kerajaan, dapat penjelasan segera.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan, Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa semasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan mengadakan lawatan di Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 8 Putrajaya, dan bertemu dengan sebahagian guru-guru yang terlibat dalam PBS ini. Maka antara yang ditimbulkan, disuarakan oleh para guru kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan tentang guru belum begitu bersedia dengan pelaksanaan sistem PBS ini kerana sebahagian mereka masih kurang faham. Sebab itu, Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan telah mengumumkan tentang penangguhan kepada pelaksanaan PBS ini sehingga satu kajian semula dan akan diputuskan dalam tempoh yang terdekat.

Yang Berhormat Datuk speaker, kebimbangan di kalangan para ibu bapa ialah tentang, kalau kita lihat Sistem PBS ini baru nak menuju ke akhir pusingan pertama. Maksud saya, antaranya ialah pelajar-pelajar tingkatan 3 tahun ini sepatutnya kalau kokurikulum lama mereka akan melalui peperiksaan PMR tapi dalam PBS ini dia berasaskan pentaksiran. Mengikut rangka asal PBS ini, kita ada 2 pentaksiran:-

1. Pentaksiran Sekolah

## 2. Pentaksiran Pusat

Pentaksiran Sekolah seperti mana yang kita sedia maklum taksiran yang dilakukan oleh guru-guru mengikut Panduan Pengurusan PBS ini. Dan, Pentaksiran Berpusat adalah pentaksiran yang disediakan, standard soalan-soalan itu oleh Lembaga Peperiksaan. Isu tentang sama ada mereka akan melalui peperiksaan atau tidak, saya rasa tidak timbul, kerana dah jelas PBS ini, Pentaksiran Berasaskan Sekolah dan Pentaksiran Berasaskan pada Pusat. Soal sama ada, apa langkah seterusnya bergantung kepada keputusan mesyuarat yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan dalam masa terdekat ini.

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat Parit Yaani.

**Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) :** Terima kasih Datuk Speaker. Terima kasih atas jawapan EXCO. Pertama sekali, saya nak menyatakan bahawa PBS ini sebenarnya suatu perkara yang baik. Cuma, apa yang saya dapat pengalaman sebagai seorang guru dan juga pengalaman berkursus, kita kekurangan pertama, sekali kekurangan tenaga sokongan. Guru sebenarnya banyak tugas, dia jadi guru, mengajar di dalam kelas, mengawal disiplin, dia jadi tukang kebun, dia jadi banyak kerja. Tanya seorang guru, dia tahu apa kerja dia dan semua dia kena buat, ditambah dengan bebanan PBS ini, yang menyebabkan dia terpaksa bangun pukul 4 pagi sebab kemudahan tidak ada, sokongan tak ada. Dia terpaksa bangun 4 pagi untuk dapat laluan yang lebih luas untuk memasukkan, *key in* maklumat-maklumat berkaitan dengan murid. Jadi, saya mencadangkan supaya pertama sekali, Kerajaan Negeri menyokong penuh bila nak buat kajian semula tambahkan apa ni, tambahan kakitangan sokongan untuk guru melaporkan pelaporan tu. Kerja guru mengajar, mendidik, disiplin dan sebagainya. Tapi kalau pelaporan yang hendak buat 4 pagi, semua sekali nak buat, ini memang satu bebanan.

Yang kedua, saya, kita nampak satu perkara, yang masa depan muridlah, masa depan anak-anak. Bila laporan tak tepat, pencapaian murid tak tepat, maka kita bimbang pencapaian itu adalah pencapaian yang palsu, yang keduanya kerjaya guru itu sendiri tercabar. Bila pencapaian murid itu rendah, sebenarnya orang akan pertikaian bidang kuasa ataupun kerjaya guru. Jadi, saya mencadangkan kepada Kerajaan Johor supaya menyokong penangguhan ini dan kita mencadangkan supaya kakitangan membantu guru ini amat diperlukan oleh mereka. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Datuk Speaker :** Jemput. Ini tadi bersyarah ni, bukan soal. Dia bersyarah. Tak apalah Yang Berhormat nak jawab, jawab. Jemput, kalau nak jawab, jawab, tak nak jawab pun tak apa.



**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Parit Yaani dia tak bagi soalan pun, dia menyokong sebenarnya apa yang kita buat. Terima kasih.

**Y.B. Datuk Speaker :** Ok. Yang Berhormat Bukit Batu.

**Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya, soalan nombor 5, Datuk Speaker.

Setakat hari ini, berapakah jumlah pengguna air di Johor yang telah memohon dan menerima bantuan program rebat air 35 meter padu percuma yang di umum oleh MB pada sidang DUN lepas.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Datuk Speaker, pemberian subsidi atau rebat air kepada pelanggan Syarikat Air Johor Holdings yang berkelayakan merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri Johor melalui Syarikat Air Johor Holdings untuk meringankan beban golongan sasaran dalam memenuhi keperluan asas iaitu bekalan air. Pemberian subsidi atau rebat air ini terkandung di dalam penstrukturan tarif bagi Negeri Johor yang berkuat kuasa mulai 1 November 2010. Di mana pecahan rebat air tersebut adalah 20 meter padu bagi golongan miskin tegar dan Orang Asli. Manakala, golongan miskin adalah 10 meter padu. Program bantuan rebat air ni telah diteruskan oleh Syarikat Air Johor Holdings kepada penerima-penerima yang berkelayakan menerima bantuan rebat air ini. Sehingga penghujung Disember 2013, seramai 835 keluarga telah menerima bantuan rebat air ini yang diuruskan oleh Syarikat Air Johor. Pecahan kepada 835 keluarga penerima rebat air ini adalah 410 keluarga terdiri daripada Orang Asli dan 425 keluarga terdiri daripada senarai e-Kasih.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi rebat air yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di Sidang Dewan Undangan Negeri yang lepas, cadangan kuota penerima iaitu lebih kurang seramai 5,000 orang sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini, dengan pecahan 4,500 golongan miskin dan 500 golongan miskin tegar. Kos yang terlibat bagi bantuan rebat air ini adalah menggunakan tarif domestik masa kini mengikut blok penggunaan yang ditetapkan oleh Syarikat Air Johor Holdings. Walau bagaimanapun, permohonan rebat air tersebut boleh dimohon melalui borang permohonan rebat air di pejabat-pejabat daerah dan juga di pejabat-pejabat Syarikat Air Johor Holdings di daerah-daerah.

Senarai nama yang terlibat ini adalah senarai nama mereka yang telah berdaftar dengan sistem e-Kasih yang dikawal selia oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Johor. Kerajaan Negeri yang telah

meluluskan pemberian rebat pada kadar 25 meter padu pada golongan sasaran yang berdaftar dalam pangkalan data e-Kasih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan jua bahawa pihak SAJ Holdings masih meneruskan pemberian rebat air, pada waktu ini sementara menunggu permohonan dan juga pelancaran yang akan dilaksanakan dalam bulan April ini. Penerima atau SAJ masih meneruskan pemberian rebat air kepada kadar 20 meter padu kepada penerima yang layak sebelum ini sejak diperkenalkan pada tahun 2010.

**Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Soalan tambahan.

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat Bukit Batu.

**Y.B. Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Seperti yang sedia maklum Yang Berhormat EXCO, banyak golongan rakyat Johor lagi yang saya rasa juga perlukan rebat ini memandangkan kos sara hidup di Negeri Johor ini kian menaik. Soalan tambahan saya Yang Berhormat, sudikah kerajaan menimbang, meluaskan lagi rebat air percuma ini kepada golongan pendapatan rumah tangga bulanan RM1,500.00 ke bawah atau kalau boleh lebih baiknya terus kepada semua rakyat Johor? Terima kasih.

**Y.B. Datuk Speaker :** Jemput.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Sememangnya pemberian rebat air di Johor tidak menyeluruh sebagaimana di Selangor yang dinikmati oleh semua orang termasuk majoritinya adalah golongan yang berkemampuan, Yang Berhormat. Sejak tahun 2010, amalan pemberian rebat air di Johor adalah lebih fokus kepada pemberian kepada golongan yang benar-benar memerlukannya. Sementara selebihnya, harus menerima hakikat bahawa menggunakan air berhemah, akan merasakan bilnya yang rendah manakala penggunaan air yang berlebihan, akan di *penalise* dengan izin, dengan tarif yang tinggi. Oleh itu, struktur air di Johor mempunyai ciri-ciri menggalakkan penjimatan dan tentunya mengekang pembaziran.

Kerajaan Negeri mempunyai mekanisme pembasmian kemiskinan yang lebih tersusun melalui penubuhan *Focus Group* di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah masing-masing dalam mengenal pasti golongan yang memerlukan untuk penyediaan senarai dalam *database* e-Kasih. Maka, pemberian rebat akan lebih tersusun dan bermakna itulah fokus Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri malah memberi tumpuan juga kepada kawasan-kawasan rumah pangsa dan memastikan bahawa

golongan-golongan yang berpendapatan rendah di kawasan rumah-rumah pangsa ini kita galakkan supaya mereka memasang meter secara individu bukan menggunakan meter pukal bagi memberikan keberkesanan dalam usaha kerajaan untuk memberi rebat air kepada golongan yang kurang berkemampuan. Terima kasih.

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat Pengkalan Rinting.

**Y.B. Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan nombor 6.

Apakah kelebihan dari segi pelancongan bagi Lapangan Terbang Senai berbanding dengan Lapangan Terbang Changi, Singapura, yang cuma berjarak 64km antara satu sama lain dan merupakan salah satu Lapangan Terbang tersibuk di dunia?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Yang Berhormat Datuk Speaker, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai pada asasnya dibuka pada tahun 1974 untuk memberikan perkhidmatan khusus bagi penduduk di Negeri Johor. Pada ketika ini, Lapangan Terbang ini diuruskan oleh perkhidmatan Terminal Lapangan Terbang Sdn. Bhd. (*Senai Airport Terminal Service*) dengan izin, selepas mengambil alih operasi Lapangan Terbang daripada Malaysia Airport Holdings Berhad pada tahun 2003. Menerusi kelebihan dari segi sektor pelancongan, kelebihan kedudukannya yang strategik di Iskandar Malaysia, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai akan menjadi salah satu hub penerbangan utama di Malaysia pada masa yang akan datang. Ketika ini, Syarikat Penerbangan Firefly Sdn. Bhd. telah menjadikan *Senai Airport* sebagai hub mereka di selatan tanahair. Pastinya, kita tidak boleh membandingkan Lapangan Terbang Changi Airport di Singapura yang merupakan salah satu Lapangan Terbang tersibuk di dunia dengan Lapangan Terbang Senai Airport yang terdapat di Negeri Johor berbanding antara perkhidmatan Lapangan Terbang bagi perkhidmatan untuk negara dengan Lapangan Terbang untuk negeri adalah jauh perbezaannya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, walau bagaimanapun, sukacita saya menyatakan di sini dengan pembangunan Iskandar Malaysia yang dibawa oleh Kerajaan Persekutuan ini, rancangan *Senai Airport City* ataupun Bandar Logistik Lapangan Terbang Senai yang memerlukan perbelanjaan berbilion ringgit akan ditapakkan bersebelahan dengan Bangunan Terminal Utama yang mempunyai keluasan sebanyak 1,133 hektar dan menyediakan 3 buah komponen iaitu Pusat Perdagangan Lapangan Terbang, Pusat Logistik Penerbangan Kargo dan Taman Perindustrian Teknologi Tinggi Senai.

Pembinaan Pusat membeli belah, Aeromall yang bernilai RM70 juta itu adalah salah satu persediaan Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam meningkatkan

taraf perkhidmatan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai Airport di mata dunia. Pada ketika ini, saya menyatakan bahawa antara sektor penerbangan yang aktif pada ketika ini adalah seperti berikut:

1. Syarikat Firefly Sdn. Bhd yang menyediakan perkhidmatan penerbangannya ke Kota Bharu, Kuala Lumpur, Subang.
2. Syarikat Asiana yang menyediakan perkhidmatan penerbangannya ke Kuala Lumpur, Kota Kinabalu, Kuching, Ipoh, Miri, Sibul, Tawau, Pulau Pinang, Surabaya, Bandung, Indonesia.
3. Malindo Airlines yang menyediakan perkhidmatan penerbangannya ke Subang.

Selain itu, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai turut aktif dalam perkhidmatan *chartered flight* seperti berikut :

1. Malaysia Airlines menyediakan perkhidmatan *chartered flight* ke Kuala Lumpur dan Jeddah khususnya untuk pakej umrah dan haji.
2. Arabia International Airlines ke Doha, Jeddah.
3. Aseana Airline yang menyediakan perkhidmatan *chartered flight* untuk Kyi Cheong, Korea – Johor Bahru.

Sekian, terima kasih.

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat Pengkalan Rinting.

**Y.B. Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Terima kasih EXCO sudi menjawab soalan saya. Maklumlah kita di tepi Singapura antarabangsa, lapangan terbang antarabangsa yang tersibuk. Jadi, soalan saya berbunyi adakah penerbangan yang, lebih penerbangan baru terutamanya antarabangsa yang berlain daripada dalam jadual Lapangan Terbang Singapura terutamanya daripada syarikat penerbangan kos rendah yang baru dan penerbangan ke tempat-tempat pelancongan menarik di serantau negara kita ataupun dengan izinnya, *regional*. Terima kasih.

**Y.B. Datuk Speaker :** Jemput, Yang Berhormat.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Memang kita mempunyai sasaran untuk mengadakan penerbangan baru yang akan atau bakal dilancarkan pada tahun 2014. Kita, antaranya adalah Indonesia dan bandar-bandar Negara China.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, statistik menunjukkan penumpang antarabangsa pada tahun lepas, 2013 adalah seramai 137,902 orang berbanding dengan hanya seramai 17,471 orang pada tahun 2012. Peningkatan sebanyak 7.9 kali ganda atau 689% merupakan satu prestasi yang sangat memberangsangkan. Ini juga menunjukkan inisiatif dan usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa ke Negeri Johor melalui lapangan terbangnya yang bertaraf antarabangsa ini.

**Y.B. Cik Wong Shu Qi (Senai) :** Yang Berhormat Datuk Speaker...

**Y.B. Datuk Speaker :** Jemput.

**Y.B. Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Soalan tambahan saya, saya ingin tanya berkenaan strategi Lapangan Terbang Senai ini. Adakah strategi ini sebagaimana juga strategi adanya pelabuhan di Tanjung Pelepas. Kalau kita lihat dahulu orang cakap, di Singapura itu merupakan sebuah pelabuhan yang terkenal, jadi kalau kita buat pelabuhan di Tanjung Pelepas yang berdekatan dengan Singapura akan menyebabkan terganggu ataupun kita tak boleh bersaing. Tapi, alhamdulillah kesannya kita telah mempunyai satu pelabuhan yang begitu pesat membangun dan menjadi pelabuhan yang terpesat pengendalian kontena di Malaysia. Jadi, sekiranya Lapangan Terbang Antarabangsa Senai begitu juga, adakah kita juga mengharapkan kesan limpahan daripada kepesatan Changi Airport itu untuk kita majukan juga lapangan terbang kita. Sekian, terima kasih.

**Y.B. Datuk Speaker :** Jemput.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih. Memang kita antara kerjasama dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, kita juga mempunyai sasaran dan mempunyai rancangan yang turut kita akan bertambah untuk nama baik kita, kerana memandangkan Kukup telah menyatakan bahawa kita telah mempunyai PTP atau mempunyai Pembangunan Iskandar Malaysia, memang juga kita kalau boleh kita menarik lebih banyak penerbangan antarabangsa ke Lapangan Terbang Senai. Memang satu tarikan juga tetapi usahanya ini adalah satu pasaran yang terbuka. Memang kita sepatutnya mempunyai *customer* ataupun pengguna, kita baru membolehkan dua hala ini dapat membangunkan kawasan lapangan terbang ini dengan pembangunan pesat yang berada, berlangsung, telah berlangsung di kawasan Iskandar dan Negeri Johor ini.

**Y.B. Cik Wong Shu Qi (Senai) :** Yang Berhormat Datuk Speaker...

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat Semerah.

**Y.B. Encik Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan saya nombor 7.

Apakah langkah-langkah drastik yang diambil oleh kerajaan untuk mengelakkan tunggakan cukai harta terus meningkat setiap tahun di setiap Pihak Berkuasa Tempatan dan beberapa jumlah nilai tunggakan sehingga 31 Disember 2013?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Datuk Speaker. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor telah melaksanakan beberapa tindakan yang agresif dalam mengelakkan tunggakan cukai harta daripada terus meningkat setiap tahun iaitu dengan penubuhan Unit Khas yang memberi fokus kepada tindakan-tindakan sebagaimana berikut :

1. Mendaftarkan kaveat persendirian ke atas harta yang terlibat dengan tunggakan cukai harta bagi menghalang transaksi pindah milik dijalankan.
2. Melaksanakan operasi sitaan harta alih bagi pemilik yang terlibat dengan tunggakan cukai harta.
3. Mensyaratkan setiap permohonan yang dibuat di setiap tempat OSC dan Jabatan Pelesenan mesti melampirkan salinan cukai harta terkini yang telah dijelaskan.
4. Mewujudkan pembayaran ansuran tunggakan cukai harta bagi membantu pemilik harta yang kurang berkemampuan dalam menjelaskan tunggakan cukai harta.
5. Menghantar surat peringatan tuntutan tunggakan cukai harta bagi membantu pemilik harta yang kurang berkemampuan dalam menjelaskan tunggakan cukai harta yang mempunyai tunggakan yang tinggi seperti yang terlibat dalam projek terbengkalai.
6. Memberi insentif kepada pemilik harta yang menjelaskan tunggakan cukai harta seperti program cabutan bertuah yang dianjurkan setiap tahun.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sehingga 31 Disember 2013, jumlah tunggakan cukai harta di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor adalah sebanyak RM181,465,346.18 dan berjaya dipungut adalah sebanyak RM59,577,366.06 iaitu 32.83% daripada keseluruhan cukai tertunggak. Jumlah nilai tunggakan kutipan sebenar cukai harta contohnya di Pihak Berkuasa di Batu Pahat untuk

makluman ADUN Semerah, jumlah tunggakan adalah sebanyak RM12,243,186.38 di mana kutipan sebenar bagi 31 Disember 2013 adalah RM3,674,105.15.

Yang Berhormat Datuk Speaker, bagi memastikan jumlah tunggakan cukai harta berkurangan dan tidak meningkat setiap tahun, Pihak Berkuasa Tempatan juga sentiasa mengkaji tindakan-tindakan baru dalam membuat tuntutan tunggakan cukai harta. Sebagai contoh, Majlis Bandaraya Johor Bahru akan melaksanakan tindakan-tindakan baru yang akan dilaksanakan pada tahun-tahun iaitu melantik *debt collector*, dengan izin, sebagai panel MBBJ dalam membantu pihak MBBJ membuat tuntutan tunggakan cukai harta dengan mensasarkan tuntutan ke atas harta-harta kediaman di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Keduanya, melaksanakan tindakan lelongan harta tanah bagi harta yang mempunyai tunggakan cukai harta. Adalah diharapkan dengan kaedah-kaedah baru yang akan dilaksanakan akan dapat meningkatkan lagi jumlah kutipan seterusnya mengelakkan tunggakan cukai terus meningkat setiap tahun.

**Y.B. Encik Mohd Ismail bin Roslan (Semerah) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan tambahan. Mengapakah boleh dikatakan hampir semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor ini tidak membuat penilaian semula terhadap harta dan pegangan yang ada di kawasan PBT masing-masing. Saya difahamkan ada PBT yang telah sekian lama iaitu lebih kurang 30 tahun tidak melaksanakan. Sedangkan harta dan pegangan tersebut telah meningkat nilainya. Ini telah menggambarkan satu kaedah yang tidak elok bukan sahaja kepada pemilik harta tersebut malah Pihak Berkuasa Tempatan itu sendiri. Pemilik sendiri tidak mengetahui nilai pasaran semasa harta mereka, manakala Pihak Berkuasa Tempatan sendiri telah menyimpan satu rekod silam yang lama lebih kurang kalau hampir 30 tahun. Jadi, ianya tidak menggambarkan pasaran harta semasa. Terima kasih Datuk Speaker.

**Y.B. Datuk Speaker :** Jemput.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Datuk Speaker, mengikut Akta Tempatan 1976, Seksyen 137 menyatakan sesuatu senarai nilai baru hendaklah disediakan dan disiapkan tiap-tiap lima tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Dan, antara objektif penilaian semula ialah :

1. Mengemaskinikan senarai nilai sedia ada.
2. Maklumat nilai terkini kepada pemilik harta.
3. Gerak pembangunan yang telah berubah.

4. Membuat penyesuaian terhadap berkenaan kadar sedia ada.
5. Mengukuhkan kedudukan kewangan PBT.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memang betul Pihak Berkuasa tidak membuat penilaian semula terhadap harta di kebanyakan kawasan masing-masing, contohnya kita di Majlis Daerah Segamat. 30 tahun, selama 30 tahun tidak membuat proses penilaian semula. Sebenarnya banyak kekangan yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjalankan proses nilai semula ini. Dan antara faktor yang paling ketara ialah ia memerlukan kos kewangan yang tinggi selain menyedarkan masyarakat dalam penilaian semula ini. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri telah mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan supaya nilai cukai harta dan Alhamdulillah, ada 3 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor yang berjaya melaksanakan proses penilaian semula iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dan Majlis Perbandaran Kluang. Dan, Insya-Allah senarai nilai terkini akan dikenakan pada kadar yang baru. Walau bagaimanapun, kita akan berdasarkan kepada jawapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, kita akan menyusun semula pihak-pihak yang berpendapatan rendah tidak akan terasa akan kenaikan cukai ini.

Dan, untuk makluman Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Kluang menguatkuasakan pada 1.1.2014 dan Johor Bahru Tengah akan menguatkuasakan pada 1.7.2014 dan bagi pihak PBT yang lain dijangkakan akan laksanakan sepenuhnya pada 1.1.2015. Dan, dengan adanya nilai dan kadar cukai baru ini, ia akan mengukuhkan kewangan PBT yang selama ini untuk meningkatkan khidmat kepada masyarakat dan seterusnya memberikan satu impak yang baik kepada warga dengan kehadiran PBT, pembayar cukai mahu bayar dan kita akan laksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Speaker...

**Y.B. Datuk Speaker :** Skudai. Ringkas ya, kita tak ada masa.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Soalan tambahan berkenaan kenaikan cukai harta. Memang Kerajaan Tempatan diberikan kuasa untuk membuat penilaian semula tapi ada tempat di mana selepas penilaian semula cukai harta meningkat sebanyak 3 hingga 500%, maknanya 3 hingga 5 kali ganda. Ini telah menyebabkan tuan punya hartanah khususnya di kawasan perindustrian juga, sebaiknya diberikan, kuasa diberikan oleh Akta Kerajaan Tempatan 171, Seksyen 130 dan 139, saya rasa Seksyen 130 dan 139 di mana Kerajaan Tempatan diberikan kuasa untuk mengubah kadar cukai harta. Kalau ikut penilaian harga itu meningkat sebanyak 3 hingga 5 kali ganda, Kerajaan Tempatan boleh mengguna kuasa di bawah Akta ini untuk mengurangkan kadarnya supaya kenaikan ini tidak lebih dari, katanya tidak lebih daripada 30% atau 50%. Kenapa Kerajaan Tempatan seperti MPJBT dan juga Majlis



Perbandaran Kluang tidak mempertimbangkan kesusahan rakyat dan juga usahawan-usahawan pada waktu ini...

**Y.B. Datuk Speaker :** Ok, Yang Berhormat...

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Akta ini untuk mengurangkan...

**Y.B. Datuk Speaker :** Ada soalan tak? Yang Berhormat.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Datuk Speaker, terima kasih dengan soalan. Kita dari segi menilai kadar harta ini, Pihak Berkuasa Tempatan memikirkan juga apa yang berlaku dalam suasana sekarang. Dan untuk makluman, berdasarkan respons kita dalam, untuk kita membentangkan harta ini daripada RM175,000 pegangan contohnya di Bandaraya Johor Bahru berdasarkan nilai harta yang baru ini, kita cuma menerima 1,226 bantahan, lebih kurang 0.41%, bermakna masyarakat menerima kenaikan harga, kenaikan cukai ini dan kita juga menilai harta dengan nilai baru, kita menurunkan kadar, contohnya di rumah murah, kita tahu pendapatan yang rendah, nilai harta sebanyak yang dulu dah RM45,000 bermakna 0.13% kadar yang kita kenakan. Dan kita dengan nilai harta yang baru, kita menetapkan kadar 0.11% rendah daripada kadar yang lama dan diukur dari segi nilai ringgit baru naik lebih kurang dalam RM15.00 tak sampai RM1.00, RM2.00 dalam masa sebulan. Dan di rumah teres, contohnya di rumah teres RM180,000.00, kadar yang lama 0.13% dan kadar baru kita kenakan sebanyak 0.12% dengan kadar nilai harta yang terbaru RM220.00. Kita memikirkan keadaan suasana masyarakat, jadi tidak timbul bagi saya dan kita melihat berdasarkan respons daripada pegangan 175,000 pegangan dan cuma 0.1% dan insya-Allah dan kita memikirkan tanggungjawab kita berdasarkan prestasi kewangan yang kita dapat ini untuk kita tingkatkan servis kita kepada masyarakat.

**Y.B. Datuk Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan yang dapat kita jawab soalan lisan ini mana-mana soalan yang disenaraikan tetapi belum dijawab secara lisan saya berharap akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan ini juga.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS.**

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat akan diberikan di atas Meja Mesyuarat dalam Persidangan yang sama.

**Y.B. Datuk Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ada menerima rundingan tergepar. Di Bawah Peraturan Tetap Bilangan 29(1) Peraturan-Peraturan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor daripada Yang Berhormat Pengkalan Rinting, untuk membahaskan isu penambahan laut yang berlaku di

muara Sungai Pulai berdekatan Pulau Merambung sebelah Barat Selat Johor. Saya telah meneliti rundingan tersebut dan tiga perkara yang perlu dipertimbangkan dalam menerima rundingan tersebut bagi dibahaskan.

Yang pertama, ia merupakan perkara tertentu dan berdasarkan perkara yang dibangkitkan, ia adalah perkara yang tertentu.

Kedua bagi kepentingan orang ramai, ia adalah kepentingan orang ramai dan;

Ketiga berkehendakkan disegerakan, difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Johor juga telah mengambil tindakan atas isu yang dibangkitkan, oleh yang demikian perkara ini tidak perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya menolak Rundingan tersebut.

**Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (2013) (NO. 3) TAHUN 2013.**

**Y.A.B. Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2013) (No. 3) Tahun 2013 dibaca kali yang pertama.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Datuk Speaker :** Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis : Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.**

**Y.A.B. Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon maklumkan bahawa saya akan membawa rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan saya membawa rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya bantah dengan Peraturan Mesyuarat 112(2) yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menangguhkan Peraturan Mesyuarat tersebut sebab ini perbelanjaan wang ialah wang rakyat dan dia harus di bahas bukan sahaja diluluskan sahaja. Dia perlu di bahas kita ada Peraturan Mesyuarat yang tetap yang telah...

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat...

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :**112 yang telah memberi kuasa untuk kita berbahas, ini wang rakyat, ini bukan wang sesiapa ini. Ini wang rakyat dan dia perlu dibahas.

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat, sila duduk.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Kita di Dewan ini, kita menjalankan tugas kita.

**Y.B. Datuk Speaker :** Sila duduk Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Sebenarnya ini sikap, kita perlu satu ada sikap...

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat, sila duduk.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Kena bertanggungjawab bukan sahaja luluskan ini perbelanjaan sahaja tambahan tanpa sebarang perbahasan.

**Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) :** Peraturan Speaker, Speaker cakap kena duduk.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Yang Berhormat Datuk Speaker juga adalah Ahli Parlimen sebelum ini dan saya difahamkan di Parlimen semua Bekalan Bajet Tambahan perlu dibahas sebelum diluluskan dan saya sangat kesal bahawa sudah dua kali sebelum ini kita ada, *supplementary budget*, dengan izin..

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Ini dilulus tanpa sebarang bahas. Ini kita menjalankan amanah. Kita dalam Dewan yang mulia ini.

**Y.B. Datuk Speaker** : Siapa yang tak mengatakan kita jalan amanah. Semua Ahli Yang Berhormat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat duduk.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Sebagai sebuah parti Pemerintah harus menjalankan amanah dengan penuh tanggungjawab.

**Y.B. Datuk Speaker** : Semua orang jalankan amanah.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Ini yang saya nak bangkitkan. Saya mohon jasa baik Yang Berhormat Datuk Speaker supaya Peraturan Mesyuarat 112(2) tidak ditangguhkan dan kita menjalankan tanggungjawab kita dan ada masa untuk kita. Kita bukan kesuntukan masa.

**Y.B. Datuk Speaker** : Yang Berhormat..

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Kita tidak kesuntukan masa...

**Y.B. Datuk Speaker** : Sila duduk Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Kita boleh sambung tiga hari untuk kita dibahaskan.

**Y.B. Datuk Speaker** : Yang Berhormat...

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Kita nak tahu kenapa wang ini dibelanjakan...

**Y.B. Datuk Speaker** : Yang Berhormat,

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Apa rahsianya?

**Y.B. Datuk Speaker** : Mengingkari arahan saya Yang Berhormat..

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Tak logik tak ada asas. Datuk Speaker, tak ada logik tak ada asas.

**Y.B. Datuk Speaker** : Yang Berhormat, duduk.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Untuk meluluskan perkara tambahan tanpa sebarang perbahasan. Saya tak faham, apakah asas apakah logiknya. Saya tak faham..

**Y.B. Datuk Speaker** : Yang Berhormat..

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Sebab sudah dua kali, perkara ini kali yang ketiga ini. Saya mohon...

**Y.B. Datuk Speaker :** Duduk...

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Kita harus menjalankan amanah kita. Penuh bertanggungjawab. Kita bukan di sini sebagai *rubber stamp* sahaja.

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat...

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Untuk meluluskan.

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat, sila duduk.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Meluluskan Perbekalan Tambahan tanpa sebarang perbahasan. Ini saya minta mohon, semua kalau Ahli daripada Barisan Nasional juga kita jalankan tanggungjawab kita. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong bantahan dan rundingan dibawa oleh Yang Berhormat Jementah sebab mengikut Peraturan Tetap 59 Bilangan 59 pada Bacaan Kali Semua Rang Undang-Undang perlu dibahaskan mengikut dasar-dasar bukan sahaja ikut anggaran dalam Peruntukan Tambahan sahaja. Saya membuat Rundingan dengan segera bahawa Peraturan Tetap 112(2) supaya Perbahasan ditangguhkan ke hari keesokan mengikut Peraturan Tetap ini supaya Rang Undang-Undang ini kita dapat perbahaskan.

**Y.B. Datuk Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita dalam Peruntukan untuk Tambahan, kita telah pun membahaskan Peruntukan ini pada Persidangan yang lalu, ini hanya Peruntukan Tambahan.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Datuk Speaker ini ialah Perbekalan..

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang telah pun dibelanjakan, kita nak luluskan ikut Peraturan Undang-Undang kita, Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Perbelanjaan sudah dibelanjakan tetapi kita nak tahu apakah yang telah dibelanjakan, ini wang rakyat, kita nak tahu ini. Kenapa tidak boleh dibahaskan. Saya tak faham lah ini. Tak ada logik.

**Y.B. Datuk Speaker :** Telah pun akan dinyatakan dalam Mesyuarat Satu-Satu Jawatankuasa apa yang dibahaskan. Jadi, apa yang dibahaskan itu dinyatakan oleh tiap-tiap Peraturan Pengerusi Jawatankuasa, Yang Berhormat duduklah.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Datuk Speaker telah menjadi Ahli Parlimen sebanyak tiga penggal dan mesti tahu ini yang selalu di Parlimen.

**Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri)** : Peraturan Speaker, kalau Speaker cakap dia kena duduk, nanti orang cakap bodoh kita tak terima. (Dewan bertepuk).

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Datuk Speaker, sebab Laporan Ketua Audit baru dibentangkan pada hari ini.

**Y.B. Datuk Speaker** : Kedua-dua itu saya tolak, dengan ini saya teruskan rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Datuk Speaker..

**Y.B. Datuk Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat..

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Datuk Speaker, di bawah pimpinan baru Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita ada satu harapan bahawa ini tidak akan menjadi satu *precedent*. Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah pimpinan baru Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita harap ini ada satu...

**Y.B. Datuk Speaker** : Ini bukan soal ke bawah kepimpinan baru, kepimpinan siapa..

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Perkara yang baru untuk Kerajaan Negeri kerana meluluskan tanpa sebarang perbahasan. Kita tak mahu jadi sebagai *rubber stamp*.

**Y.B. Datuk Speaker** : Ini soal Peraturan-Peraturan. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ia tidak ada kaitan dengan perkara yang sedang kita bahaskan, maka dengan itu saya telah menyatakan apabila rundingan ini dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya sebenarnya membentangkan kepada Dewan.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Dan Peraturan 112(2) kita ada Peraturan Mesyuarat...

**Y.B. Datuk Speaker** : Yang Berhormat, jangan melawan saya Yang Berhormat, saya nanti gunakan kuasa saya. Saya tak nak menggunakan kuasa saya. Seorang Ahli yang tidak menurut Peraturan-Peraturan Mesyuarat boleh ditegur dengan segera oleh Speaker atau oleh yang mengetuai. Ini Peraturan Mesyuarat yang kita sedia adalah, kita bukan menggunakan Peraturan yang lain, kita menggunakan Peraturan yang sedia. Oleh yang demikian Yang

Berhormat, patuh kepada Peraturan-Peraturan, saya nak menjalankan tugas saya dan Yang Berhormat jangan menghalang tugas Speaker untuk meneruskan Mesyuarat ini Yang Berhormat.

**Y.A.B. Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingat Ahli Dewan ini semua tak faham, kita akan ada perbahasan yang ditangguhkan kalau baca betul-betul apabila kita bentang Bajet, selepas bentang kita akan tangguh Dewan untuk bahas hari yang berikutnya. Tetapi ini kita tangguh supaya bahas dapat dibuat pada hari ini juga. Itu maksud apa yang kita buat.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Yang Amat Berhormat Menteri Besar...

**Y.A.B. Menteri Besar :** Dalam Jawatankuasa nanti akan dibahas. Akan berlaku bahas. Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, baca betul-betullah Peraturan. (Dewan bertepuk).

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat duduk, saya teruskan..

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak tanya satu soalan. Manakah satu Peraturan Mesyuarat yang membolehkan untuk menangguhkan Peraturan Mesyuarat 112(2).

**Y.B. Datuk Speaker :** Saya teruskan rundingan kita..

**Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya dah kata ini kalau orang bodoh tak faham.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Datuk speaker, saya sangat kesal. Ini tidak dibahaskan.

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat, minta..

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Yang Berhormat tidak boleh menggunakan kuasa dengan sewenang-wenangnya. Tidak boleh menggunakan kuasa dengan sewenang-wenangnya. Kita harus bahas wang rakyat yang dibelanjakan. Kita ada hak untuk tahu apakah sebenarnya digunakan. Datuk Speaker, saya mohon..

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Datuk Speaker, kita buat keputusan Rundingan diteruskan dengan undian sekarang.

**Y.B. Datuk Speaker :** Yang Berhormat Jementah, sila duduk dan saya beri amaran yang akhir. Kalau tidak saya akan menggunakan Perkara 50 (2). Jadi saya tak nak sampai ke situ Yang Berhormat, ya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya teruskan Mesyuarat, rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli yang bersetuju sila angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara. Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

**Y.A.B. Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Tambahan Peruntukan ini merupakan tambahan yang bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2013. Tambahan Peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM184,460,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 7 Jawatankuasa seperti berikut :

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor, RM176,703,000.00;
2. Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor, RM107,000.00;
3. Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor, RM1,459,000.00;
4. Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, RM438,000.00;
5. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM585,000.00;
6. Jawatankuasa Agama Negeri Johor, RM4,367,000.00;
7. Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, RM801,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Datuk Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali kedua sekarang.



Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua.

**Jurutulis : Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.**

**Y.B. Datuk Speaker : Dewan Bersidang Sebagai Jawatankuasa.**

**Jurutulis : JADUAL**

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini...

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Datuk Speaker, Datuk Speaker Peraturan Mesyuarat, bila boleh bahas pada peringkat Jawatankuasa? Bila boleh bahas pada peringkat Jawatankuasa? Bila, Datuk Speaker? Bila boleh bahas pada peringkat Jawatankuasa?

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Kalau dengan kebenaran saya bolehlah. Kalau tak ada kebenaran saya, tak boleh dibahaskan pasal benda ni peruntukan tambahan yang telah pun digunakan, yang telah pun dibelanjakan.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Datuk Speaker, tadi Yang Amat Berhormat...

**Y.B. Datuk Pengerusi :** ...dan perkara-perkara yang hendak dibahaskan ialah perkara-perkara...

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Datuk Speaker, tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar menanggungkan mesyuarat.

**Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) :** Sebenarnya dia ni tak faham soal...

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Perkara 12 (2)...

**Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) :** Jawatankuasa akan ada...

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Tapi Perkara 112 (4) membenarkan Ahli untuk membahaskan pada peringkat Jawatankuasa.

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Setakat ini kita belum pinda Peraturan ini. Jadi kita... Yang Berhormat .

**Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) :** Yang Jementah ni tak faham.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar menangguhkan Peraturan Mesyuarat 112(2). Tapi Peraturan Mesyuarat 112(4) membenarkan Ahli-Ahli membahaskan pada peringkat Jawatankuasa. Saya nak tahu bila kita boleh membahaskan pada peringkat Jawatankuasa.

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Kalau pun dibahaskan perkara soal dasar, dia bukan soal dasar...

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Perkara 112(4) membenarkan Ahli membahaskan pada peringkat Jawatankuasa, saya nak tahu bila kita boleh membahaskan pada peringkat Jawatankuasa?

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Peruntukan yang telah pun dibentangkan tahun yang lalu, ini tambahan.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Terima kasih.

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Duduk. Ok, Jurutulis.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM17,000.00 bagi Maksud B.01, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor; RM367,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan; RM60,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Menteri Besar Johor; RM64,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor; dan RM45,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Dewan Negeri; jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.01 Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor, diperuntukkan RM17,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013. Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan diperuntukkan sebanyak RM367,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013. Bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Menteri Besar Johor diperuntukkan sebanyak RM60,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013. Di bawah Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM64,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013. Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Dewan Negeri diperuntukkan sebanyak

RM45,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013.

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM59,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan; RM119,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan; dan RM25,000.00 bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Jabatan Landskap; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Datuk Speaker, boleh saya bahas dalam peringkat Jawatankuasa?

**Y.B. Datuk Pengerusi**: Yang Berhormat, apa yang nak dibahaskan?

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Datuk Speaker, izinkan, Datuk Speaker, sila izinkan saya...

**Y.B. Datuk Pengerusi**: Perkara ini sudah dibelanjakan...

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Datuk Speaker, Sila izinkan saya baca...

**Y.B. Datuk Pengerusi**: Yang Berhormat, duduk, duduk.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Datuk Speaker, Sila izinkan saya baca...

**Y.B. Datuk Pengerusi**: Bila Speaker menegur, bercakap, sila Yang Berhormat duduk.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Baca Peraturan Mesyuarat 112(4), biar saya baca dengan kuat secara jelasnya. 112(4) menyatakan hendaklah diperuntukkan satu tempoh yang sehabis lamanya 4 hari sahaja kerana membahaskan penganggaran hasil dan belanja Rang Undang-Undang itu di dalam Jawatankuasa. Speaker boleh memperuntukkan masa yang sehabis lama sekali yang boleh diberi kerana membahaskan tiap-tiap satu Jadual kepada Rang Undang-Undang itu dan juga tiap-tiap satu Fasal dalam Rang Undang-Undang itu. Sekiranya ada sebarang Jadual atau Fasal yang belum diselesaikan pada waktu habisnya masa yang diperuntukkan itu, maka hendaklah Pengerusi pada masa itu juga mengemukakan apa jua soal yang dikehendaki bagi mendapatkan keputusan terhadap Jadual dan Fasal yang tersebut itu. Ini jelas maksud dia bahawa...

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Yang Berhormat,

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Bahawa kita bukan...

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Yang Berhormat,

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Jelas maksud dia bahawa...

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Yang Berhormat,

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Kita bukan kesuntukan masa...

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Tapi dalam, Yang Berhormat,

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Kuasa Speaker untuk membolehkan kita sekurang-kurangnya...

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Dalam agenda Jadual yang kita bacakan, kita hendaklah habiskan pada hari ini juga.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** 4 hari untuk berbahas peringkat Jawatankuasa. Saya ada banyak soalan nak tanya dalam peringkat Jawatankuasa. Setiap Jadual kita boleh tanya apakah perbelanjaan yang telah digunakan. Saya tak faham ni.

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Yang Berhormat, kalau kita nak bahaskan satu persatu, 7 hari 7 malam pun tak habis. Yang kita nak bahaskan ni, misal apa yang dijawabkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, imbuhan yang dibayar, maknanya gaji, elaun yang telah pun dibayar. Nak dibahaskan macam mana. Benda tu...

**Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) :** Memang tak faham bahasa.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Kita ada 1, 2 hari untuk bahas di peringkat Jawatankuasa...

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Nak dibahaskan macam mana. Benda itu dah pun dilaksanakan. Imbuhan, gaji yang dibayar, perbelanjaan yang telah dibayar.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Ini sebabnya...

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Dan kalau tiap-tiap perkara... Yang Berhormat duduklah. Kalau tiap-tiap perkara ini nak dibahaskan sebulan pun tak habis kita bermesyuarat. Kita hanya habis dalam Dewan Negeri ni aja. Oleh sebab itu

masa yang diuntukkan dalam mesyuarat kali ini satu hari, inilah masa yang ada pada kita.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Datuk Speaker, nak berapa hari, tapi sekurang-kurangnya...

**Y.B. Datuk Pengerusi**: Maka itu kita jimatkan...

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Untuk berbahas mengikut Jadual...

**Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Adap jagalah, adap jaga, Speaker cakap duduklah.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Dalam Jadual...

**Y.B. Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Tak ada adap ke.

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Yang Berhormat, Yang Berhormat, boleh ikut nasihat saya Yang Berhormat. Tolonglah, bukan kita nak bertengkar dalam Dewan ini.

**Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, kerana memandangkan Penyata Kewangan Negeri Johor dan setiap kali kita dapati bahawa pada anggaran permulaan seperti dalam perbelanjaan tanggungan pada permulaan...

**Y.B. Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja)** : Yang Berhormat, ini peraturan mana dia pakai ni? Bangun ni, duduk, duduk. Peraturan mana ni?

**Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Tetapi pada akhirnya menggunakan RM53 juta. Dan seperti perbelanjaan Bekalan, pada asalnya dalam anggaran kita adalah RM683.0 juta tetapi pada akhirnya kita sebenarnya menggunakan RM760.0 juta sebab itu adalah satu cadangan dan pandangan..

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Yang Berhormat, apa Yang Berhormat...

**Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Berhati-hati semasa mengurus Bajet kita...

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Yang Berhormat duduk dulu. Duduk Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Dan meluluskan semua perbelanjaan secara berhati-hati. Supaya kita tidak sekali-kali...

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Ee Chin Li (Tangkak)** : Satu keadaan over bajet.

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk. Kerajaan ialah Kerajaan yang bertanggungjawab. Wang yang dibelanjakan bukan kata lepas gitu aja, audit akan periksa dan tiap-tiap Yang Berhormat, Pengerusi-Pengerusi Yang Berhormat ini bertanggungjawab di atas perbelanjaan di bawah portfolio masing-masing. Mereka orang yang bertanggung jawab, jadi perkara ini semua akan diaudit. Tidak ada penyelewengan-penyelewengan yang boleh dilakukan oleh mereka. Jadi Dewan ini hanya nak meluluskan peruntukan tambahan wang yang telah digunakan. Jadi apa yang masalah nak kita bahaskan sepanjang lebar saya rasa...

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Datuk Speaker, Datuk Speaker pernah jadi Ahli Parlimen selama 3 penggal.

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Tak ada peruntukan yang boleh kita membahaskan perkara ini, Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Mengikut di Parlimen pun sama juga. Semua Bekalan Tambahan yang dibentangkan di Parlimen juga harus dibahas. Saya tak faham apa logik kenapa kita tak boleh bahas di sini.

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Pada saya tak ada keperluan dibahaskan.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Yang Amat Berhormat Menteri Besar pernah menjadi Menteri. Saya tak faham, logik ke?

**Y.B. Encik Ee Chin Li (Tangkak) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, kalau kita selalu keluarkan satu keadaan over bajet...

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Yang Berhormat...

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Saya tak faham ni, satu logik... Semua perkara tambahan haruslah dibahaskan sebelum diluluskan. Ini wang rakyat. Ini yang saya nak katakan ini sebab utama kenapa saya bangkitkan perkara ini sebab wang rakyat kita harus bahas. Apakah yang...

**Y.B. Datuk Speaker :** Sebab kita gunakan wang rakyatlah kerajaan menggunakan wang rakyat bahawa semua perbelanjaan itu dibentangkan untuk pengetahuan rakyat melalui Dewan Negeri yang bersidang hari ini. Tidak ada satu pun yang dilindungi oleh kerajaan. Yang Berhormat jangan menyangka buruk kepada Kerajaan, sebab wang rakyatlah dibentangkan dalam Dewan Negeri ini untuk makluman rakyat.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Dewan ini, saya bukan cakap kosong-kosong. Saya bukan cakap kosong-kosong...

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Yang Berhormat duduklah. Saya..

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Ini sebenarnya praktis yang telah dijalankan di Parlimen. Kita seharusnya menggunakan praktis yang sama ni.

**Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri)** : Peraturan Yang Berhormat, Speaker kalau cakap, kita duduk dulu, dengar. Nantikan sekali lagi saya cakap bodoh kang, saya kena marah lagi. Saya minta maaf, nak cakap pada orang yang tak pandai, ni orang bodoh. Jadi kita fahamlah betul-betul.

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Yang Berhormat, Pengerusi Perumahan Kerajaan Tempatan. Sila.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Minta maaf Datuk Speaker, untuk menggulungkan apa yang berlaku tadi perbahasan ini saya menggunakan Peraturan Tetap 45(10) sebab saya hendak cadangkan diperbahaskan. Sebab sebenarnya kita bukan nak berbahas secara panjang lebar, saya sudah cadangkan kepada Yang Berhormat Tanjung Puteri dan juga Yang Berhormat Semarang, dua-dua Pengerusi dan juga Setiausaha Kelab *Back Bencher* bahawa kalau ada peruntukan tambahan dibentangkan kita minta dua orang dari dua-dua pihak sahaja. Maksudnya dua orang dari Barisan Nasional, dua orang dari Pakatan Rakyat untuk menceburi perbahasan yang singkat dan ringkas. Kalau kerajaan ini berjaya..

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Yang Berhormat Skudai, saya tidak menerima cadangan tersebut. Saya ingin nak meneruskan persidangan ini. Jemput, Pengerusi yang berkenaan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Terima Kasih. Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan diperuntukkan sebanyak RM59,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013. Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan diperuntukkan sebanyak RM119,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 dan di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Jabatan Landskap diperuntukkan sebanyak RM25,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013.

**Y.B. Datuk Pengerusi**: Tak ada apa-apa eh?

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Yang Berhormat Datuk Speaker...

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC) dan RM136,000.00 bagi Maksud B.04, Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC) diperuntukan sebanyak RM2,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuhan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013.

Di bawah Maksud Bekalan B.04, Perbendaharaan Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM136,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuhan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013.

Kalau kita lihat kepada semua pembentangan ini, pembentangan ini meliputi soal menampung bayaran imbuhan dan bayaran khas prestasi. Patutnya kalau Ahli Yang Berhormat hendak bahas, selepas bentang maknanya soal-soal yang berkaitan dengan itu. Mungkin soalan yang tepat ditanya mengapa sekarang dibentangkan. Ianya dibentangkan sekarang kerana peruntukan yang tidak mencukupi disediakan dalam Bajet 2013 bagi bayaran imbuhan dan bayaran khas prestasi kerana ianya diumumkan pada bulan Disember tahun 2013. Sebagaimana kita sedia maklum, atas sebab itulah sekarang baru kita bentangkan untuk kelulusan bajet tambahan dan itulah sepatutnya soalan yang tepat kalau Yang Berhormat pun nak bangkit dan bahas, itu sahaja. (Dewan bertepuk).

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM383,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor diperuntukan sebanyak RM383,000.00 bagi menampung bayaran imbuhan dan bayaran khas prestasi 2013.



**Y.B. Datuk Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM801,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani bagi pihak Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.08 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor diperuntukan sebanyak RM801,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi 2013.

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

**Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Datuk Speaker.

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Sebelum kita bersetujukan, kenapa tak bangun bertanya, itu sebab saya berhentikan sekejap. Sebelum saya kata saya bersetuju tidak bersetuju tu saya berhenti sekejap selepas Pengerusi yang berkenaan menjawab. Untuk kalau ada soalan, soallah masa itu.

**Y.B. Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Datuk Speaker.

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat, cakap pun tak faham. Nanti saya *slow* kan sikit saya punya, saya punya kepantasan saya *slow* sikit. Masa itulah kalau nak bertanya tapi soalan nak tanya hendaklah soalan yang berkaitan dengan perkara pokok itu, bukan ranting-ranting yang bercabang-cabang, tak ada kena mengena eh? Jangan salah soal, jangan nak main soal-soal sahaja, pasal esok nak masuk surat khabar kita menyood perkara itu kita soal sebenarnya lari dari kenyataan.

Mana saya tadi, kacau sahaja. (Dewan ketawa) Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan.

**Ahli-Ahli Dewan :** Sudah.

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Sudah, ok. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM202,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor diperuntukan sebanyak RM202,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013.

**Y. B. Datuk Pengerusi :** Dah tak nak menyooal pula dia. Itulah.

Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jempot angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM156,000.00 bagi Maksud B.12, Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Negeri Johor; dan RM79,000.00 bagi Maksud B.13, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.12 Pejabat Kebun Bunga Kerajaan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM156,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013.

Dan di bawah Maksud B.13, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor diperuntukan sebanyak RM79,000.00, bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Datuk Speaker, soalan.

**Y. B. Datuk Pengerusi :** Pertanyaan sahaja, bukan soalan.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Pertanyaan sahaja.

**Y. B. Datuk Pengerusi :** Ha. Tapi cepat, masa ni.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Pertanyaan, bagi Maksud B.12, tambahan sebanyak RM156,000.00 tetapi perbelanjaan yang diluluskan hanya RM127,000.00. Kenapa ada satu beza yang begitu besar? Perbelanjaan yang diluluskan hanya RM127,000.00 tetapi tambahan RM156,000.00 lebih lagi daripada perbelanjaan diluluskan dan ini soalan yang pertama. Dan soalan yang kedua ialah...

**Y. B. Datuk Pengerusi :** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** B.12 di bawah, saya hendak tahu apakah Maksud dia.

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Yang Berhormat, saya belum habis cakap. Yang Berhormat, kalau soalan khas bertulis tak payah soallah.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 37 Tahun 2013. Apakah Maksud dia itu. Ini dua soalan sahaja. Terima kasih.

**Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Yang Berhormat Datuk Speaker,

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Yang Berhormat nak jawab, jawablah. Yang tak perlu jawab tak jawab, tak jawab pasal soalnya soalan yang remeh sahaja tak ada apa kaitan pun tak ada isi.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, ini wang rakyat, ini bukan perkara yang remeh. Ini wang rakyat yang dibelanjakan. Ini bukan perkara remeh.

**Y. B. Datuk Pengerusi :** Ini peruntukan wang rakyatlah Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Ini harus dijawab, ini wang rakyat yang dibelanjakan. Kita hendak tahu mengapa tambahan begitu banyak daripada asasnya yang hanya RM127,000.00. Ini harus dijawab. Dan apakah Maksud dia Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 37 Tahun 2013? Kita nak tahu, saya tahu apakah Maksud dia ini, terima kasih.

**Y.B. Cik Wong Shu Qi (Senai) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Berhormat Datuk Speaker, jika kerajaan menyediakan bajet tiap-tiap tahun tapi mengguna wang tidak...

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Terpulanglah Yang Berhormat. Duduk-duduk, terpulanglah kepada Pengerusi yang berkenaan nak jawab ataupun tidak. Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Yang Berhormat, ini rakyat nak tahu. Bukan kita nak tahu, kita Wakil Rakyat, Wakil daripada rakyat, rakyat nak tahu.

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Dia orang tahu apa yang dia orang belanjakan.

**Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Rakyat nak tahu. Kewangan dengan bijaksana.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Kita dah bagi senarai itu. Sepatutnya difahamkan, peruntukan ini ialah peruntukan yang diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi bayaran imbuhan tahunan, bayaran khas. Jadi, benda ini memang kita dah memang dah dalam

senarai kita tak ada masalah timbul kita menggunakan duit rakyat. Yang perlu kita belanjakan untuk membayar prestasi dari segi imbuhan dan perkhidmatan awam. (Dewan bertepuk).

**Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Datuk Speaker, kita sudah banyak kali ada iaitu bajet tambahan, sebab itu ini bukanlah satu cara mengurus kerajaan dengan cara yang baik.

**Y.B. Encik Lim Eng Guan (Bekok) :** Apa KPI nya, apa KPInya, KPI, KPI? Kita nak tahu KPI. Bajet satu kali, bajet tambahan tiga kali. Itu KPI, mana KPI? Ini berapa kali bajet tambahan. Itu saya tak tahu, saya tahu sekarang di Negeri Johor ada tiga kali sahaja bajet tambahan.

**Y.B. Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Penang berapa kali bajet tambahan.

**Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, apa yang cadangan saya adalah, kita tidak mahu mendengar tiap-tiap tahun bajet kita, tiap-tiap tahun bajet kita cantik, ada lebih, ada lebih. Tetapi akhirnya kita ada tambahan bajet tiga kali dan sebagainya menunjukkan kita tidak terperinci bila kita membuat belanjawan. Kita hendakkan satu kerajaan bila melakarkan.

**Y.B. Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Datuk Speaker, ini Jawatankuasa, Jawatankuasa Pengerusi, tanya butiran sahaja, tak payah lain-lain.

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Perbelanjaan ini kadang-kadang boleh dia terkurang. Anggaran, anggaran.

**Y.B. Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, teruskan.

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Ok.

**Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Kerana anggaran itu menjadikan sistem piawai Bajet 2013 dan sebagainya begitu besar. Kita tidak mahu anggaran yang terlalu jauh berbeza daripada yang sebenarnya dibelanjakan. Ini adalah satu saranan kecil daripada saya.

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Siapa pun buat anggaran, kerajaan seluruh dunia buat anggaran tak pernah tepat punya. Amerika ke, London ke, China ke, Korea buat anggaran tak pernah tepat punya. Memang ada peruntukan tambahan dibuat. Ini biasalah dalam kerajaan pengurusan pentadbiran kerajaan. Tak ada benda yang kita dapat tepat begitukan. Orang rumah saya

minta RM10.00 pergi pasar pun tak boleh tepat punya, nak minta lagi RM20.00 rupanya. Biasalah ini anggaran kan?

**Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Yalah, kalau boleh...

**Y.B. Datuk Pengerusi:** Yang Berhormat. Dah, dah. Ok, ok.

**Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Kalau boleh seboleh-bolehnya lebih tepat lagi baguslah. Jangan tiga kali.

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM341,000.00 bagi Maksud B.19, Jabatan Perhutanan Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Maksud Bekalan B.19, Jabatan Perhutanan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM341,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya memerhatikan hujah-hujah pihak pembangkang yang mengatakan bahawa seolah-olah kerajaan tidak bijak dalam mengelolakan Bajet dan sebagainya. Suka saya nyatakan bahawa di peringkat persekutuan pun, bajet tambahan memang selalu dibentangkan walaupun setelah bajet tahunan dipersembahkan dalam Dewan, dan pada ketika semasa Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim pun banyak bajet tambahan. (Dewan bertepuk).

**Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Datuk Speaker.

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Duduk, duduk.

**Y.A.B. Menteri Besar :** Kedua, kalau kita rasa bahawa kerajaan tidak membelanjakan dengan betul dan sebagainya, kita ada pertama, Audit Negara yang mengaudit semua perbelanjaan dan kedua kita ada PAC. PAC daripada kalangan anggota Dewan. Ketiga, kalau tak setuju nak lulus, maknanya Penjawat Awam punya gaji dan imbuan. Adakah pembangkang tak nak luluskan? (Dewan bertepuk).

**Y.B. Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya...

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Kerajaan Pulau Pinang pun ada peruntukan tambahan, Selangor pun ada, Kelantan pun ada. Dan semua anggaran peruntukkan mereka tak pernah tepat, ada aje tambahan-tambahan.

**Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya nak memberikan sedikit pandangan berkenaan dengan maklum balas Yang Berhormat...

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan...

**Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja)** : Datuk Speaker tak payah dengarlah pandangan. Tak payah dengarlah.

**Y.B. Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Mempertikaikan, kita tidak mempertikaikan...

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli Yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan berjumlah RM4,190,000.00 bagi Maksud B.21 Jabatan Agama Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Maksud Bekalan B.21 Jabatan Agama Negeri Johor diperuntukan sebanyak RM4,190,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahunan 2013. Peruntukan tambahan ini diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi pembayaran Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi kepada anggota jabatan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil.37 Tahun 2013. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker.

**Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani)** : Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan. Terima kasih atas pembentangan, cuma yang saya nak bertanya ni, kakitangan dan juga bukan kita tak menyokong ataupun kita memihak dia punya prestasi ataupun imbuan dia, cuma berapa ramai kakitangan yang dapat imbuan yang berkenaan dan prestasi sebab prestasi ni kalau ikutkan kakitangan kerajaan sekitar 8 – 10% dan imbuan ataupun prestasi ini tidak lebih daripada gaji yang dia dapat.

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli Yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM107,000.00 bagi Maksud B.23 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat:**

Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.23, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor diperuntukan sebanyak RM107,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013.

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,459,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Datuk Speaker, pertanyaan. Ini merupakan satu jumlah yang banyak, RM1,459,000.00...

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Yang Berhormat sila duduk. Yang Berhormat Pengerusi jemput jawab. Jemput, jemput kemukakan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :**

Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM1,459,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Datuk Speaker, Peraturan Tetap 113(11), saya memohon supaya Yang Berhormat Pengerusi memberikan butiran yang lebih jelas bagaimana RM1,459,000.00 ini dibelanjakan.

**Y.B. Encik Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) :** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya tak faham kenapa pembangkang ghairah sangat nak mempertikaikan peruntukan tambahan.

**Y.B. Datuk Pengerusi :** Yang Berhormat, bukan perbahasan itu. Jemput Yang Berhormat Pengerusi. Duduk.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :**

Yang Berhormat Datuk Pengerusi, perkara yang dibangkitkan ini akan diuruskan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan; Ahli-Ahli yang bersetuju sila angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM46,000.00 bagi Maksud B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar dan RM173,809,000.00 bagi Maksud B.28 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Maksud Bekalan B.26, Muzium DiRaja Abu Bakar diperuntukkan sebanyak RM46,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013. Di bawah Maksud Bekalan B.28, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun diperuntukkan sebanyak RM173,809,000.00 bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang telah disempurnakan bagi projek-projek Kerajaan Negeri di bawah peruntukan pembangunan sebagaimana yang dirancang dalam penyediaan Bajet 2013.

**Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani)** : Datuk Speaker, saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebab dia menyebut projek-projek perbelanjaan, bermakna imbuan dan juga prestasi tu tambah dengan projek tapi yang lain-lain tadi, minta maaf saya sebut hanya imbuan dan prestasi, tak munasabah imbuan dan prestasi melebihi daripada bajet asas sebab gaji dah besar dah, imbuan dan prestasi sebenarnya lebih kecil daripada itu. Sekian dimaklumkan.

**Y.A.B. Menteri Besar** : Imbuan dan prestasi kalau Yang Berhormat nak *detail* boleh diberikan secara bertulis, untuk tunjukkan sama ada ianya lebih atau tidak dan apakah asas-asasnya.

**Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani)** : Terima kasih sebab yang lepas memang...

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Ahli-Ahli Yang Berhormat...

**Y.B. Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani)** : Yang lepas ada dia punya bajet...

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM140,000.00 bagi Maksud B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri



Johor dan RM37,000.00 bagi Maksud B.32, Jabatan Mufti Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Yang Berhormat Datuk Speaker, di bawah Maksud Bekalan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor sebanyak RM140,000.00 bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013 dan di bawah Maksud Bekalan B.32, Jabatan Mufti Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM37,000.00 bagi menampung bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013.

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM81,000.00 bagi Maksud B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru; RM75,000.00 bagi Maksud B.42, Pejabat Daerah Muar; RM88,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat, RM66,000.00 bagi Maksud B.44, Pejabat Daerah Pontian; RM80,000.00 bagi Maksud B.45, Pejabat Daerah Segamat; RM64,000.00 bagi Maksud B.46, Pejabat Daerah Kluang; RM63,000.00 bagi Maksud B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM58,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing; RM39,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya dan RM34,000.00 bagi Maksud B.50, Pejabat Daerah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41, Pejabat Daerah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM81,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar diperuntukkan sebanyak RM75,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM88,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.44, Pejabat Daerah Pontian diperuntukkan sebanyak RM66,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.45, Pejabat Daerah Segamat diperuntukkan sebanyak RM80,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.46, Pejabat Daerah Kluang diperuntukkan sebanyak RM64,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.47, Pejabat Daerah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM63,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing diperuntukkan sebanyak RM58,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM39,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.50, Pejabat Daerah Ledang diperuntukkan sebanyak RM34,000.00. Kesemua tambahan peruntukan tersebut disediakan bagi menampung bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013.

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM317,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor; RM115,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM83,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM137,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM72,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM91,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM84,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang; RM89,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM65,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing; RM55,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya dan RM60,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Ledang jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Menteri Besar :** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM317,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM115,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar diperuntukkan sebanyak RM83,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM137,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian diperuntukkan sebanyak RM72,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat diperuntukkan sebanyak RM91,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang diperuntukkan sebanyak RM84,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM89,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing diperuntukkan sebanyak RM65,000.00; di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulaijaya diperuntukkan sebanyak RM55,000.00; dan di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Ledang diperuntukkan sebanyak RM60,000.00. Kesemua tambahan peruntukan tersebut disediakan bagi menampung Bayaran Imbuan dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2013.

Di samping itu Yang Berhormat Pengerusi Tuan Speaker, saya suka nyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa peruntukkan tambahan ini akan ditampung melalui lebihan dalam Akaun Semasa Hasil Disatukan Negeri yang pada masa ini RM791.5 juta (Dewan bertepuk).

Berpunca dari Terimaan Hasil 2013 dalam Tahun 2013 kita terima hasil RM1,728.5 juta berbanding perbelanjaan mengurus berjumlah RM936.94 juta. Jadi kita ada lebihan RM700 juta untuk tahun lepas.

Lehian Dalam Akaun semasa hasil Disatukan juga sekaligus akan menghapuskan Defisit Terkumpul Dalam Akaun Hasil Yang Disatukan yang bakinya setakat 31 Disember 2012 adalah berjumlah RM132.52 juta maknanya kita tidak lagi ada defisit untuk Kerajaan Negeri. (Dewan Bertepuk)

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Perkara itu dikemuka bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **JURUTULIS : FASAL 2**

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Perkara di hadapan Jawatankuasa supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

#### **JURUTULIS : FASAL YANG PERTAMA.**

**Y.B. Datuk Pengerusi** : Perkara di hadapan jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Dewan Negeri bersidang semula.**

**Y.A.B. Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Datuk Speaker saya menyokong rundingan ini.

**Y.B. Datuk Speaker** : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2013) (No.3) Tahun 2013 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang;

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan; Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis** : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut- Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (2013) (No. 3) Tahun 2013.

**Y.B. Datuk Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 30 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:30 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 12:00 tengah hari.**

**Y.B. Datuk Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula.

**Jurutulis : RUNDINGAN–RUNDINGAN DENGAN TIDAK PAYAH DIBERITAHU.**

**Y.B. Datuk Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Rundingan di bawah Perintah Tetap Bilangan 32(viii) yang diakui mustahak iaitu Pemilihan Ahli Dewan Negara oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Sebagaimana peruntukan peraturan yang sama, Rundingan itu perlu disokong oleh sepuluh orang Ahli. Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang menyokong rundingan ini sila bangun di tempat masing-masing. Oleh sebab terdapat lebih daripada sepuluh orang Ahli yang menyokong, Rundingan ini saya terima.

**Jurutulis : RUNDINGAN MENGENAI PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA.**

**Y.B. Datuk Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebagaimana biasa dilakukan, pemilihan Ahli Dewan Negara ini adalah menurut Perkara 45 Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan. Dengan demikian, tiap-tiap cadangan hendaklah disokong dan disertai dengan kenyataan bertulis yang ditandatangani oleh calon berkenaan menyatakan kesanggupannya berkhidmat jika dipilih, dan cadangan itu tidaklah perlu di bahas.

Yang Amat Berhormat, sila kemukakan cadangan tersebut.

**Y.A.B. Menteri Besar** : Yang Berhormat Datuk Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Yang Berhormat Dato' Haji Adam bin Abdul Hamid dipilih oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh 3 tahun. (Dewan bertepuk)

Untuk makluman Dewan yang mulia, saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk memperkenalkan Dato' Adam Bin Abdul Hamid seorang anak jati Johor yang telah dilahirkan pada tahun 1949, yang merupakan individu yang disegani dan disenangi oleh rakyat pada semua peringkat. Beristerikan Datin Zubaidah binti Bunyami, Beliau telah dikurniakan 8 orang cahaya mata. Beliau juga telah dikurniakan Darjah Setia Diraja Kedah yang membawa gelaran Datuk pada tahun 2008. Sepanjang kerjaya beliau, beliau pernah menjawat jawatan Selaku Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Johor pada tahun 1982,

sebelum seterusnya diangkat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Bandar Tenggara tahun 1986.

Beliau kemudian memegang jawatan sebagai Pengerusi PAC Johor pada tahun 1987. Kesesuaian dengan pengalamannya itu, beliau kemudian dilantik memegang jawatan sebagai EXCO Kerajaan Negeri selama 2 penggal bermula pada tahun 1995. Kerjaya beliau terus bersinar apabila dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dari tahun 2004 sehingga tahun 2008.

Dalam karier politik pula, ketokohan beliau bermula sebagai EXCO Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Hulu Langat pada tahun 1974. Pada tahun 1985, beliau kemudiannya menjadi Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Pontian sebelum dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Pulai pada tahun 1987. Beliau kemudiannya menjadi Ketua UMNO Bahagian Senai pada tahun 1989. Dan, dengan ini saya serahkan pengakuan bertulis yang telah pun ditandatangani oleh calon yang saya cadangkan itu.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, saya menyokong rundingan itu.

**Y.B. Datuk Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini telah menerima rundingan tersebut yang telah pun disokong. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, cadangan itu dipersetujukan.

Dengan demikian, saya isytiharkan bahawa Yang Berhormat Dato' Haji Adam bin Abdul Hamid adalah dipilih oleh Dewan ini menjadi Ahli Dewan Negara bagi tempoh selama tiga tahun. (Dewan bertepuk).

Saya dan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi pihak Dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Haji Adam bin Abdul Hamid, semoga beliau dapat menumpukan khidmatnya kepada rakyat dan negeri sebagai Ahli Dewan Negara. (Dewan bertepuk)

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan in ditangguhkan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, saya mohon menyokong rundingan itu.

**Jurutulis : UCAPAN TANGGUHAN MESYUARAT.**

**Y.B. Datuk Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jurutulis ada menerima enam (6) Ucapan Tangguhan dan pengundian bersurat telah dilakukan bagi memilih 5 Ahli yang berucap sebagaimana Peraturan Tetap Bil. 119, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor.

Suka saya menyatakan Yang Berhormat, Yang Berhormat yang terpilih diberi masa berucap tidak lebih sepuluh minit dan hendaklah mengikut teks yang telah diberikan kepada Jurutulis Dewan Negeri.

Yang Berhormat Parit Raja dijemput, Pasir Raja jemput. Minta Maaf. Yang Berhormat Pasir Raja. Mentang-mentang orang Parit Raja... (Dewan ketawa).

**Y.B. Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Terima kasih. Terima kasih Datuk Speaker. Bismillahirrahmannirrahim.

Selamat, kita berada dalam tahun 2014, kita juga berada di tahun 1435 Hijrah, kita juga berada dalam tahun Kuda masyarakat Tionghoa. Di kalangan umat Islam negeri Johor, sambutan Maulidur Rasul masih terus berlangsung dengan program-program sambutan di kampung-kampung dan di peringkat daerah. Sinonim dengan isu yang saya sampaikan Rasulullah SAW ini dilahirkan di tahun yang dikenali sebagai Tahun Gajah di mana tentera Gajah Abraha menyerang tanah suci Mekah dan dimusnahkan oleh Allah SWT. Datuk Speaker dalam ucapan penangguhan kali ini saya sekadar ingin menyampaikan rintihan, keluhan serta rungutan rakyat di kawasan hutan Pantii yang mana-mana kampung sekitarnya sering diganggu, dicerobohi oleh kawanan gajah-gajah liar. Haiwan ini datang dengan tidak di undang ke kawasan kampung Lukut, Kota Tinggi. Kita tahu gajah-gajah tersebut adalah haiwan yang sangat istimewa dan berharga buat kehidupan liar di negara kita. Difahamkan sekitar 32 ekor gajah menghuni di kawasan hutan Pantii dan Sedili. Walau bagaimanapun, apa yang terjadi ialah haiwan-haiwan ini tersasar masuk ke kawasan kampung. Ini berkemungkinan besar daripada masalah mendapatkan makanan ataupun kelaparan. Kesannya haiwan ini telah menjahanamkan tanaman penduduk kampung yang mengakibatkan kemusnahan tanaman dan harta benda seperti tanaman kelapa sawit, pokok getah yang baru ditanam serta tanaman kontan di kebun. Minta maaf.

Perkara ini telah menimbulkan keresahan, kemarahan serta ketakutan di kalangan masyarakat kampung yang terlibat. Kesannya, penduduk merasa kecewa dan terkilan Datuk Speaker, kerana perkara ini kerap berlaku dan aduan telah dibuat oleh penduduk kepada Pejabat PERHILITAN. Namun begitu, maklum balas diberikan kurang memuaskan. Tindakan yang dibuat setakat ini hanyalah meninjau dan menyatakan kepada penduduk bahawa gajah-gajah yang terlibat akan dipindah ke kawasan lain.

Untuk makluman Datuk Speaker, berdasarkan makluman terkini penduduk kampung, sekitar 7 ekor gajah masih berada di sekitar di kawasan Lukut dan Bukit Lintang dan kerap kali dilihat berkeliaran di kawasan rumah penduduk. Ketahuilah Datuk Speaker, sekira gajah-gajah sudah mula bermain di kawasan keliling rumah, sudah tentu tanaman pisang jadi sasaran kemusnahan. Memang terdapat pagar elektrik yang dipasang di kawasan Mawai, tetapi gajah-gajah ini masih lagi di kesan berada dalam kawasan kampung pada bulan Januari yang lalu.

Datuk Speaker, sehubungan dengan kawanan gajah ini, kita berpandangan bahawa eloklah sekiranya dicadangkan kita di peringkat Negeri Johor membuka satu *sanctuary* gajah di kawasan Kota Tinggi iaitu berhampiran dengan *sanctuary* burung di Panti. Kita bukan sahaja dapat membuka satu lagi destinasi pelancongan, malahan gajah-gajah itu dapat ditempatkan di kawasan yang selamat. Kita mohon Kerajaan memikirkan cadangan ini demi kebaikan penduduk terlibat dan juga masa depan gajah-gajah tersebut. Kita pun ketahui bahawa di negara Thailand gajah dapat dijinakkan dan dapat dipelihara di kawasan pemuliharaan malahan sedia menerima pelancong. Kita ambil kira model yang dibuat oleh Thailand, sekurang-kurangnya bagi memperbaiki kaedah menjaga dan mengurus *sanctuary*. Di Malaysia terdapat satu tempat perlindungan dan pengurusan gajah dan habitat iaitu di Kuala Gandah, Lanchang, Temerloh, Pahang. Ianya dibuka pada tahun 1989, dibuka pada orang ramai pada 2000 dan dikatakan pada tahun 2009, 158,000 pengunjung telah pun datang di kawasan *sanctuary* gajah tersebut, bukan sahaja mereka melawat sebagai destinasi pelancongan tetapi mereka dapat melihat pertunjukan gajah, bersama-sama gajah mandi dalam sungai, menunggang gajah bersama keluarga dan juga memberi gajah makan serta memelihara habitat yang di awas oleh *Wildlife Society* dengan izin. Dengan itu, sekurang-kurangnya dengan apa yang telah difahamkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Bajet 2014 yang lepas, kita di Johor memiliki lebihan Bajet kerana kekuatan gajah yang dipelopori oleh nabi besar, kita Nabi Muhammad SAW.

Datuk Speaker, seperkara lagi adalah dengan kegiatan '*ah long*' iaitu meminjam wang tanpa lesen yang menggunakan taktik lama tetapi diperbaharui secara terang terangan tanpa takut dan segan silu. Petugas-petugas '*ah long*' ini menampal *sticker-sticker* yang berbentuk pelekat di dinding-dinding perniagaan, premis dan pada papan-papan tanda awam dalam kawasan Majlis Kerajaan Tempatan. Kejadian ini menjadi begitu ketara mutakhir ini, kita mintalah agar pihak berwajib di peringkat Kerajaan Tempatan, Majlis Daerah memantau dengan serius serta mengambil tindakan untuk menurunkan serta membuang semua pelekat atau *sticker* ini, selain dari mencacatkan pemandangan juga mengotorkan premis perniagaan dia ditampal dengan kuantiti yang banyak, bukan sikit, yang banyak. Rungutan para peniaga ialah mereka tidak boleh berbuat apa-apa untuk menghalang

kegiatan ini kerana petugas 'ah long' ini membuat kerja menampal pada waktu yang sibuk. Kedua, yang paling ketara ialah mereka bersikap ganas dan tidak boleh ditegur. Kesannya, akan menimpa mana-mana pihak atau individu yang menegur mereka sehingga ada pergaduhan dan kecederaan. Oleh yang demikian, mereka yang paling sesuai untuk menghalang kegiatan mereka ini tentulah dari kerjasama pihak Penguatkuasa Majlis Daerah dan pihak polis dan daerah masing-masing.

Selepas rintihan rakyat jelata ini disampaikan dalam ucapan penangguhan ini Datuk Speaker, kita berharap agar pihak yang sepatutnya menjalankan tugas dengan proaktif dan pantaslah mengambil tindakan yang sewajarnya agar permasalahan rakyat dapat diselesaikan. Terima kasih Datuk Speaker.

**Y.B. Datuk Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja. Yang Berhormat Pemanis, jemput.

**Y.B. Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) :** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Lepas hujan jangan dilupakan payung, kalau sungai kering jangan dilupakan pula banjir. DUN Pemanis merupakan satu kawasan DUN yang pernah dilanda banjir besar sebanyak 2 kali, pertama pada tahun 2006-2007 dan seterusnya pada tahun 2011. Gelombang pertama pada Disember tahun 2006, melibatkan lebih 4500 keluarga dan kerja-kerja pengurusan banjir dan selepas banjir termasuk pemulihan dan selesainya penyampaian wang ihsan adalah selama 15 bulan sehingga Mac 2008. Untuk banjir 2011 pula, berlakunya untuk tempoh dari 30 Januari 2011. Kerja-kerja pengurusan selepas banjir adalah sehingga Julai 2012 untuk tempoh 17 bulan dianggarkan sebanyak 5000 keluarga telah terjejas akibat banjir ini. Jumlah mangsa yang terlibat untuk DUN Pemanis secara puratanya melebihi jumlah mangsa banjir gabungan antara mangsa banjir Pantai Timur, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Jadi, kita anggap DUN Pemanis kalau tak silap, satu DUN yang paling teruk terjejas banjir. Dengan jumlah mangsa yang banyak ini, kita hanya dapat menggunakan jentera daerah dan DUN untuk kerja-kerja pengurusan. Ia merupakan cabaran yang besar yang terpaksa saya dan komuniti DUN Pemanis hadapi pada keadaan tanpa suntikan kewangan untuk tujuan pengurusan. Namun, syukurlah segala-galanya dapat ditempuhi berkat kerjasama dan kesepaduan semua pihak.

Yang Berhormat Datuk Speaker, menerusi statistik dan pengalaman yang saya bentangkan ini, serba sedikit izinkan saya untuk berkongsi pandangan di dalam Dewan yang mulia ini terhadap perkara-perkara berkaitan dengan mekanisme pengurusan banjir. Apa yang terjadi dalam kawasan kita sendiri, ditambah pula dengan kes tahun lepas di *Cameron Highland* sepatutnya dijadikan guru dan pengalaman untuk kita menambah baik lagi tatacara pengurusan bencana alam seluruh negara.



Yang Berhormat Datuk Speaker, yang pertama kita patut menghormati dan memperkasakan tugas dan peranan setiap pihak terlibat dengan pengurusan bencana alam sebagaimana termaktub dalam Prosedur Majlis Keselamatan Negara. Di samping itu, unsur tenaga sukarelawan yang kian merosot juga perlu untuk kita hormati. Dalam banyak perkara, tenaga sukarelawan ini menjadi model paling penting untuk kerja-kerja penyelamatan mangsa bencana. Namun ingin saya menekankan di sini tenaga Kerajaan dan sukarelawan yang dirancang dan ditugaskan boleh terperangkap dalam banjir atau tidak komited dan ini boleh mencacatkan kecekapan pengurusan. Lapisan kedua atau simpanan perlu sentiasa disediakan.

Kedua, setiap kali bencana melibatkan banjir, berlaku banyak pihak yang mempersoalkan dan bercakap mengenai pelepasan air empangan. Justeru itu, integriti pengurusan empangan perlu dipastikan dalam kes *Cameron Highland* dan juga persepsi awam berkenaan fungsi sama ada empangan dan sama ada empangan memainkan peranan sebagai medium dalam tanggapan masyarakat.

Ketiga, kita harus memperbaiki sistem penyampaian amaran dan maklumat pengurusan bencana kita masih lagi kurang berupaya untuk menyampaikan kepada awam maklumat-maklumat yang berkaitan dengan bencana yang bakal berlaku. Justeru, ruang kegagalan ini diisi oleh maklumat-maklumat dari sumber yang diragui kesahihannya. Ia hanya akan menambah rasa bimbang, curiga dan huru-hara di kalangan masyarakat. Penyampaian maklumat berkala perlu disampaikan melalui media yang sesuai.

Keempat, latihan yang dihadapi bencana perlu digerakkan oleh semua komuniti. Kita tidak dapat menjangka bila bencana akan terjadi. Negara-negara maju dan pusat bencana seperti Jepun, sering mengadakan latihan ini kepada rakyatnya. Untuk itu, satu Unit Khas Latihan menghadapi bencana seharusnya ditubuhkan dan digerakkan secara aktif. Semua sukarelawan seharusnya dijemput bersama, latih bersama di samping pegawai-pegawai yang dilatih khusus.

Kelima, saya mencadangkan agar diwujudkan satu undang-undang untuk mewajibkan pemindahan mangsa di atas arahan pihak berkuasa, jika sesuatu kawasan itu berpotensi besar untuk menghadapi bencana. Untuk itu, kita harus meyakinkan mangsa yang diarah pindah bahawa harta benda mereka diawasi oleh pihak berkuasa. Pemindahan yang terancang akan dapat mengurangkan beban dan rintangan operasi penyelamatan dan pemindahan. Satu tugas utama semasa dan selepas banjir ialah pendaftaran mangsa di pusat pemindahan dan mereka yang tidak sempat pindah atau tinggal di rumah kawan atau saudara pengurusan dalam hal ini harus dikaji semula dan dirancang dengan lebih teliti lagi.

Yang Berhormat Datuk Speaker saya berharap dengan pengalaman yang kita miliki Negeri Johor boleh menjadi contoh untuk negara ini bagi satu mekanisme pengurusan banjir yang lebih baik. Satu peruntukan khas perlu disediakan untuk usaha penambahbaikan pengurusan banjir dan pembangunan secara sistematik pasukan sukarelawan dengan serta merta. Semoga dengan pengalaman dan tindakan yang bakal kita ambil, Negeri Johor akan terus makmur dan mendapat menghadapi segala rintangan dengan semangat yang kuat. Terima kasih.

**Y.B. Datuk Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Pemanis. Yang Berhormat Tanjung Puteri, jemput.

**Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Datuk Speaker, sebelum saya membacakan teks yang saya dah hantar ini saya ingin memohon maaf kepada Jementah yang mana kemungkinan macam saya kata dia bodoh. Sebenarnya bukan itu yang saya nak katakan tadi. Cuma kalau saya pun berkelakuan macam tu rakan-rakan saya akan kata saya bodoh. Jadi untuk jadi orang yang tak bodoh pertamanya saya tarik balik perkataan itu. Keduanya, saya mohon maaf.

Bismillahirrahmannirrahim. (Berselawat) Saya memohon untuk pegang teks saya. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Speaker dan rakan-rakan seperjuangan dalam Barisan Nasional kerana saya dipilih untuk membuat ucapan penangguhan pada Persidangan Dewan pada kali ini. Alhamdulillah, setakat ini selepas Pilihanraya Umum yang ke-13 Negeri Johor masih mempunyai 38 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dimenangi oleh Barisan Nasional di banding pembangkang 18 kerusi. Ini masih menang majoritilah 2/3. Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT yang mana Negeri Johor Darul Takzim ini masih diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional yang membawa maksud mutlak kerajaan yang diperintah oleh satu parti politik yang mempunyai gabungan berbilang bangsa di dalamnya dan masih menjadi pilihan rakyat Negeri Johor. (Dewan Bertepuk)

Analisis saya pada Pilihanraya Umum yang ke-13, kita dapat lihat apakah matlamat perjuangan parti-parti yang berdaftar dengan lambang masing-masing dan komposisi bangsa yang bertanding. Barisan Nasional sebuah parti yang berdaftar dengan komposisi berbilang kaumnya, Melayu menang 32 orang, 32 calon, Cina 3 orang yakni 3 calon dan juga India 3 orang yakni 3 calon. Dan dengan nyata membawa dasar yang bahawa mempertahankan agama, memperjuangkan bangsa dan membangunkan negara. Parti PKR sebuah parti yang berdaftar dengan komposisi berbilang kaum Melayu menang nol (kosong), Cina menang 1 orang, 1 calon, India nol tiada India kosong juga, bermatlamat menawan Putrajaya. PAS sebuah parti yang berdaftar, Melayu menang 4 orang, oklah, bermatlamat memperjuangkan

hukum Hudud di Malaysia, manakala DAP parti yang berdaftar komposisi berbilang kaum, berbilang bangsa, Melayu menang tak ada, Cina menang 13, India tak ada. Bermatlamat, ini dia menumbangkan penguasaan MCA dalam pemerintahan Kerajaan. Ha, tu. Diringkaskan PKR hendak Putrajaya, PAS hendak Hudud dan DAP hendak tumbangkan MCA.

Di Negeri Johor, rancangan PKR hendak Putrajaya tidak relevan maka gagal rancangan PAS, memperjuangkan hukum Hudud juga gagal tapi matlamat DAP tumbangkan MCA berkesan dan berjaya. Ada orang berandaian, setelah DAP menumbangkan Gerakan atau Pakatan secara sulit di Negeri Pulau Pinang, berkesan dan berjaya, mereka ingin lakukan pula dengan MCA. Ada juga lain andaian mengatakan DAP dengan kekuatan undi orang Cina, satu masa nanti akan tinggalkan PKR dan PAS. Dan bergabung dengan Barisan Nasional kerana mereka memegang undi majoriti kaum Cina.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekiranya analisis saya tidak tepat, saya awal-awal lagi mohon kemaafan, tapi kalau ianya ada mencuit dan menghiris hati, sama-sama kita teliti dan muhasabah diri masing-masing. Seterusnya apa akan berlaku pula pada PRU yang ke-14 nanti. Ini pandangan sayalah. Adakah berkemungkinan PAS bergabung dengan Barisan Nasional terlebih dahulu kerana khuatir DAP akan bergabung dengan Barisan Nasional kerana MCA dan Gerakan sudah tidak dapat menawan hati pengundi Cina. Orang Melayu dalam PKR pada masa ini sudah mula menyepikan diri, rasa malu dan kurang yakin dengan perjuangan peribadi yang dibawa oleh kepimpinan tertinggi parti mereka. Seolah-olah mereka disuruh angguk, mereka angguk, disuruh geleng mereka pun ikut geleng.

Yang Berhormat Datuk Speaker, pada persepsi saya semuanya boleh berlaku pada PRU yang ke-14 nanti. Kita tunggu sajalah waktu dan ketikanya. Walau bagaimanapun, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada rakan seperjuangan dalam Barisan Nasional iaitu MCA, MIC, Gerakan dan lain-lain, yang bekerja kuat untuk mengembalikan kepercayaan bangsa masing-masing supaya tidak terpedaya dengan janji-janji dan tipu helah yang ditabur oleh parti-parti cakap tidak serupa bikin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, memandangkan Negeri Johor Darul Takzim sudah mengamalkan cuti hujung minggu pada hari Jumaat, maka saya ingin mengutarakan pandangan saya lanjutan kepada perkara tersebut. Ini untuk memberi lebih manfaat kepada semua rakyat dalam Negeri Johor Darul Ta'zim ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekiranya amalan cuti ini boleh dilakukan kepada pentadbiran sebuah negeri yang besar seperti Negeri Johor Darul Ta'zim ini, sepatutnya juga kita galakkan ianya dilakukan di peringkat pihak

swasta seperti di kilang-kilang seperti pihak perbankan dan juga terutamanya pihak pengurusan di GLC-GLC milik Kerajaan Negeri Johor itu sendiri.

Yang Berhormat Datuk Speaker, begitu juga kepada sistem perundangan jenayah yang berteraskan Islam, sekiranya sistem perbankan Islam sudah diterima dan dinilai lebih telus dan adil dalam pelaksanaannya di seluruh dunia, maka di Negeri Johor ini juga kita boleh melaksanakan Undang-Undang Kanun Jenayah mengikut Islam. Ianya bukan kemungkinan, malahan ianya sememangnya lebih baik untuk rakyat kerana berlandaskan al-Quran, maka saya cadangkan agar ianya dikaji, diperhalusi dan dilaksanakan kelak. Insya-Allah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekarang ini masalah di dalam kawasan ataupun di dalam bandar raya kita. Masalah pengguna jalan raya dalam bandar raya yang sering menjadi rungutan dan aduan adalah mengenai lubang-lubang di jalan raya, baik ianya di selenggara oleh JKR, Jabatan Kerja Raya ataupun Majlis Bandaraya Johor Bahru. Saya lihat kedua pihak sedang mengambil tindakan dengan mengadakan unit khas dengan menggunakan teknologi baru menampal dengan segera lubang-lubang tersebut. Tahniah saya ucapkan kerana mengambil inisiatif yang membina seperti ini.

Walau bagaimanapun, sekarang rungutan dan aduan kini tertumpu kepada masalah longgokkan simen di tengah jalan dan kekotoran yang dilakukan oleh pihak pemaju pembangunan. Pengguna jalan raya saya rasa bukan anti pembangunan, tetapi kita malu dengan perkara seperti ini boleh berlaku dalam bandar raya. Seperti tiada undang-undang yang boleh mengawal mereka ini. Lori pembawa bancuhan simen segera ini, membawa muatan berlebihan hingga tumpah di persimpangan-persimpangan jalan dan ada kalanya di bahagian jalan berbukit seperti jalan di depan Radio Televisyen Malaysia, RTM. Banyak longgok dekat situ. Saya minta pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan Ahli Majlis yang baru pada masa ini, tumpukan khidmat mereka dengan bijak dan berintegriti dengan menggubal peraturan kepada pihak pemaju perumahan dengan mengenakan deposit yang tinggi kepada pengusaha simen bancuhan segera ini, semasa meluluskan permohonan untuk mengusahakan sebuah pembancuh simen segera.

**Y.B. Datuk Speaker** : Sila gulung.

**Y.B. Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Deposit ini boleh diguna pakai untuk menampung kos kerja-kerja pembersihan kelak oleh pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru. Bagi pihak SPAN pula, saya minta mainkan peranan membendung lori-lori pembawa bancuhan simen segera ini bukan hanya secara berkala sahaja. Kalau boleh tiap-tiap hari. Akhir kata, oleh kerana masa yang terhad diberikan dalam

ucapan tanggungan, maka saya akhiri ucapan ini dengan wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Puteri. Yang Berhormat Tenang, jemput.

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang)** : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker dan sidang Dewan yang dimuliakan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana turut diberi peluang dan ruang untuk menyampaikan Ucapan Penanggungan dalam Mesyuarat Keempat Persidangan Pertama Dewan Undangan Negeri Johor yang ke-13 ini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kesempatan ini saya bagi pihak rakyat Tenang, ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas keprihatinan terhadap pembangunan eko pelancongan di Labis. Dalam lawatan kerja di Daerah Segamat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan jelas mengatakan akan memberi perhatian terhadap pembangunan eko pelancongan dalam Segamat termasuk Labis. Antara yang turut disentuh adalah Pusat Rekreasi Kolam Air Panas, Sungai Batang Kekok dan Kemelut Kampung Tenang serta Taman Negara Endau Rompin, Pulau.

Dewasa ini, tumpuan pelancongan ke arah nilai semula jadi suatu tempat Maksudnya pelancongan yang datang ke Malaysia hari ini lebih fokus untuk merasai keindahan alam semula jadi tropika yang tidak dirasai di negara mereka. Ini bukan bermakna pembangunan material seperti pembangunan pencakar langit, taman rekreasi moden dan bina sains tidak dinilai oleh pelancong tetapi pada hemah saya pembangunan seumpama ini sudah cukup terdapat di negara pelancong terutamanya negara barat, negara maju yang lain.

Justeru itu, eko pelancongan yang mengetengahkan konsep alam semula jadi dan nilai budaya yang tersendiri memberi identiti negara di mata pelancong. Bahkan kedua-dua nilai ini bukanlah buatan yang boleh dibina dan dibangunkan dalam tempoh masa terdekat. Keindahan alam semula jadi dan budaya adat resam sesuatu yang unggul dan mampu menjadi daya tarikan. Ucapan penanggungan seterusnya berkaitan pembangunan infrastruktur di dalam DUN Tenang. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan kepimpinan negeri kerana memberi perhatian terhadap pembangunan infrastruktur melalui pelebaran dan menaik taraf jalan dari persimpangan Jalan Segamat menuju ke Kampung Sobaru dan bermula Kampung Tenang hinggalah ke Pekan Labis. Saya menerima respons yang sangat baik daripada penduduk yang menggunakan laluan tersebut. Jalan tersebut memang menjadi jalan perhubungan utama penduduk Kampung Sobaru, Kampung Tenang, Pekan Air Panas, FELDA Tenang dan kawasan sekitarnya. Sudah tentu

aspek menaik taraf jalan memberi impak positif kepada mereka. Apatah lagi laluan tersebut digunakan oleh murid sekolah sebagai jalan ekonomi dan mengeluarkan hasil pertanian dalam perhubungan dan laluan alternatif ke Taman Negara Endau Rompin. Harapan saya agar keprihatinan Kerajaan Negeri akan terus berkekalan untuk rakyat tenang khususnya dan rakyat Johor amnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam kesempatan ini juga, saya ingin menyatakan penghargaan terima kasih kepada kepimpinan negeri kerana berjaya memenuhi aspirasi rakyat dan membawa kemakmuran kepada negeri. Sudah tentunya sehingga kesyukuran atas limpah nikmat kepada maha pencipta yang memakmurkan bumi Johor ini. Kepimpinan negeri di bawah teraju Yang Amat Berhormat Menteri Besar berjaya membawa pembangunan untuk kelestarian rakyat. Pengumuman demi pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam memastikan, rakyat berjaya menikmati kemakmuran negeri bahkan kerajaan negeri turut menitik beratkan kebajikan kesejahteraan rakyat. Terbaru pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu Skim Pinjaman Perumahan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor tanpa faedah berkuat kuasa 1 Mac 2014 ini. Apa yang penting pengumuman ini pasti melegakan kakitangan kerajaan yang masih membuat pinjaman bayaran balik dan secara tidak langsung ia akan mengurangkan beban rakyat akibat kenaikan kos sara hidup.

Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin membawa situasi sidang dewan ini berkaitan pergolakan Parti Keadilan Rakyat, PKR khususnya dan Pakatan Rakyat Selangor umumnya yang ingin, hingga melarat dan membawa terjadinya pilihan raya kecil DUN Kajang. Kita tidak mahu membuat spekulasi berkaitan apakah perjanjian dan timbal balik yang diterima sehingga membawa peletakan jawatan ADUN dan membawa kepada pilihan raya kecil. Umum mengetahui, ini bukanlah kali pertama sandiwara PRK ini berlangsung kerana nafsu seorang pemimpin. Parlimen Permatang Pauh sebelum ini mengalami nasib yang sama peletakan Ahli Jawatan, Ahli Parlimen membawa kepada PRK. Isu ini mengheret sekali rakyat dengan permainan politik kotor pembangkang. Justeru apabila acap kali kita mendengar kononnya kerajaan selalu berbelanja besar untuk satu-satu program yang mereka tafsirkan sebagai membazir, sedangkan keperluan projek itu sendiri menjurus kepada kesenangan dan kesejahteraan rakyat seperti menepuk air di dalam dulang atau kata dulang paku serpih. PRK Kajang ini sebagai pembaziran wang rakyat semata-mata memenuhi nafsu buta seorang pemimpin bukan mereka tidak tahu atau tidak faham dalam menjalankan dan menjayakan satu PRK bukanlah untuk kos yang rendah malah mencecah jutaan ringgit. Bukankah lebih baik wang sebanyak itu digunakan untuk pembangunan dan memenuhi aspirasi rakyat malah tiada sebab untuk kita membuang wang yang banyak hanya terpaksa memenuhi kehendak manusia yang terdesak ini. Malah penyokong dan pendukung tegar mereka seakan menjadi jaguh tetapi lebih berdiri teguh

yang dulu apabila menyamakan situasi ini dengan peralihan kuasa Ketua Menteri Sarawak dan hari ini terbukti peralihan kuasa Ketua Menteri berjalan lancar, penuh harmoni dan tertib.

Yang Berhormat Datuk Speaker, kita juga dikejutkan tindakan gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan NGO berkaitan hak asasi manusia COMANGO yang membawa isu yang kononnya atas agenda *human rights* dengan izin. Isu kalimah Allah ke sesi semakan berkala sejagat sempena Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva. Tindak tanduk mereka ini mula menyebabkan jiwa kita, adakah mereka sedar bahawa tindakan mereka ini akan menyemarakkan api perkauman dan sensitiviti agama apatah lagi keputusan mahkamah meletakkan kalimah Allah adalah hak eksklusif umat Islam. Kelompok ini cuba mencabar perlembagaan negara etika ke-18 dengan mendesak Malaysia menandatangani perjanjian antarabangsa hak-hak awam dan politik. Mereka dengan penuh bongkak menyatakan Perlembagaan yang sedia ada ini sudah lapuk dan tidak relevan. Pernahkah mereka terfikir yang selama ini mereka hidup dengan kelompok harmoni hanya kerana pemahaman kita terhadap perlembagaan negara yang perlu kita dakap erat.

Akhir sekali Yang Berhormat Datuk Speaker, tentang perpaduan nasional kita berasa terkilan dengan tindakan seorang Ahli Parlimen Pembangkang yang menerbitkan dan berlakon dengan model filem wawancara pendek yang terang-terang menyindir Perdana Menteri berkaitan dengan isu keselamatan di Sabah. Filem pendek generasi 12 minit itu yang memaparkan 3 orang tetamu jemputan wawancara dan diselenggarakan oleh Ahli Parlimen tersebut dan lalu turut menyindir dan mempersoalkan isu pendidikan, bangsa dan hak istimewa orang Melayu. Apakah maksud penerbitan itu? Adakah mereka tidak faham atau sudah lupa betapa peritnya 13 Mei angkara tangan-tangan yang merobek dan merosakkan keharmonian kaum di negara ini. Adakah mereka berasa angkuh untuk perpaduan kaum di negara ini longgar semula atau apakah mereka mempunyai agenda nafsu peribadi tersendiri sehingga meletakkan kepentingan rakyat pada kasta terbawah.

Justeru itu, saya menyeru pihak kerajaan melalui kerajaan dalam negeri wajar mengambil tindakan terhadap pelobi kehancuran perpaduan ini agar menjadi teladan bahawa Perlembagaan Negara dan Integrasi Nasional wajar dipertahankan. Sudahlah sebelum itu kelakuan mereka dalam isu mengumumkan Perdana Menteri berkaitan penurunan beberapa harga barangan keperluan diperolok-olokan, bahkan tindakan mereka seperti *kera kena belacan* semata-mata ingin menyindir Perdana Menteri. Apakah mereka telah tuli melihat keseluruhan ucapan Perdana Menteri itu atau memang mereka sudah ditulikan untuk mendengar sesuatu kebenaran dan kebaikan. Yang Berhormat Datuk Speaker, sekian terima kasih.

**Y.B. Datuk Speaker** : Terima kasih Yang Berhormat Tenang. Yang Berhormat Serom, jemput.

**Y.B. Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom)** : Terima kasih Yang Berhormat Datuk Speaker. Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam muafakat Johor dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Speaker dan Ahli Dewan yang mulia, pertama sekali Serom bersyukur kepada Allah kerana kita sama-sama diberi nikmat kesihatan dan masa berada di dalam Dewan yang mulia ini. Serom juga berterima kasih kerana diberi peluang dan ruang untuk membawa Ucapan Penangguhan Yang Ke-4 bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Serom juga bertambah-tambah bersyukur kepada Allah di mana bumi Johor Darul Ta'zim khasnya dan Negara Malaysia amnya yang tercinta dan bertuah ini dapat kita sama-sama rasa dan saksikan usaha kerajaan selama ini telah berhasil untuk memakmurkan perpaduan kaum dan di mana pencapaian usaha perpaduan kaum selama ini amat dibanggakan melalui dasar Kerajaan yang sentiasa mengambil perhatian serius terhadap perkembangan perpaduan antara rakyat Malaysia keseluruhannya.

Menarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini seperti yang kita sedia maklum, usaha serius Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri Johor ke arah perpaduan kaum dilihat telah dan terus bercambah dan tahniah kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Yang Berhormat Datuk Speaker, izinkan saya terlebih dahulu menyebut dan berkongsi kepada visi dan misi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Misi jabatan ini jelas dan adalah menjadi agensi peneraju utama dan memelihara, meningkat dan memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat di Malaysia. Manakala misinya pula adalah mempertingkatkan dan memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat berasaskan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara, Gagasan 1 Malaysia dengan moto Bersatu Kita Maju.

Dasar kualiti GPNIN adalah menjadikan GPNIN ini sebagai sebuah jabatan yang cemerlang, komited dan mampu memelihara, memupuk dan memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan adalah dasar yang tepat dan sempurna.

Yang Berhormat Datuk Speaker, jika tidak keterlaluan Serom merasakan adalah wajib kita mengakui bahawa perpaduan kaum adalah pemboleh ubah penting dalam menentukan kestabilan politik, sosial malah ekonomi negara. Justeru itu, Negeri Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Mohamed Khalid Nordin, iaitu Menteri Besar Johor yang sentiasa memastikan elemen-elemen penting. Perpaduan kaum ini telah dan terus diberi perhatian yang besar.



Usaha Kerajaan Negeri Johor mewujudkan Majlis Permuafakatan Perpaduan Negeri Johor bagi memupuk semangat muafakat antara kaum dengan lebih erat adalah sangatlah dibanggakan. Inisiatif ini diambil supaya budaya muafakat dapat terus di erat supaya menjadi tonggak kebanggaan dan teras kejayaan bagi seluruh penduduk di Johor. Sebagaimana yang kita sedia maklum, dengan adanya kepelbagaian kaum yang ada di negara kita menjadikan negara ini begitu unik.

Perbezaan ini juga sebenarnya merupakan ramuan bagi melahirkan masyarakat yang kreatif dan inovatif. Sememangnya adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri Johor supaya masyarakat pelbagai kaum ini dapat bersama dengan kerajaan supaya setiap usaha yang dilakukan membawa manfaat kepada semua kaum yang ada di negeri ini.

Usaha kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negeri Johor seperti Program Kembara Muafakat Johor 2013 sempena sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-56 peringkat Negeri Johor. Pada tahun lalu program-program telah dijalankan adalah seperti Konvoi Kenderaan Buatan Malaysia, Program Rewang Sekampung, Program Keluarga Angkat Muafakat Johor dan yang terkini adalah dijadualkan Program Perpaduan yang mana ia melibatkan penyertaan pelbagai kaum serta pelbagai golongan lapisan masyarakat, yang mana ia dapat mewujudkan jalinan muhibah dan mengeratkan lagi perpaduan masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, namun begitu sejak kebelakangan ini banyak isu-isu sensitif berkaitan agama telah timbul. Ini menyebabkan kegusaran di kalangan rakyat yang mana boleh menggugat keamanan dan kesejahteraan. Melalui pengamatan Serom, jika isu ini tidak ditangani, maka ia akan menggugat dan boleh hilangnya perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum dan agama yang telah sekian lama kita nikmati.

Berbagai peristiwa-peristiwa dan isu yang kita dengar sejak akhir-akhir ini yang berkaitan dengan sensitiviti agama, Serom melihat perkara ini seram.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita mungkin tersenyum dan tergelak dengan kenyataan ini tapi Serom bukan sahaja melihat perkara ini seram, tapi Serom melihat perkara ini amat mengerikan dan membahayakan serta membimbangkan. Meskipun dengan langkah dan usaha seperti adanya Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian di antara penganut agama. Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa penubuhan jawatankuasa ini merupakan kesinambungan usaha-usaha Jawatankuasa Kerja Perhubungan antara penganut agama di bawah Panel Penasihat Perpaduan Negara.

Kita juga ketahui, Jawatankuasa Kerja Perhubungan Antara Penganut Agama telah menubuhkan 4 jawatankuasa kerja bagi mengerakkan aktiviti untuk mencapai visi dan misinya. Jawatankuasa kerja yang dibentuk adalah menumpukan perkara-perkara persefahaman terhadap isu-isu antara penganut agama, aktiviti bersama, kerja mediasi, kerja bersama kerajaan pemimpin masyarakat.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sebagai contoh kalau dalam konteks Malaysia ini khususnya apabila seorang umat Islam itu mengucap dua kalimah Syahadah, Allah yang mana, Allah yang Maha Esa itu yang hendak dipercayai. Jika dicampuradukkan tafsiran Allah itu sebagai yang dikongsi bersama penganut agama, Kristian seumpamanya membawa konotasi Tuhan dalam agama mereka. Maka itu akan menimbulkan kekeliruan yang sangat besar di kalangan masyarakat. Justeru itu, Serom ingin mengusulkan agar perkara perpaduan dan perkara-perkara agama diambil perhatian yang serius.

Yang Berhormat Datuk Speaker, agar kerajaan dapat memperbanyakkan lagi program-program perpaduan khususnya melibatkan soal-soal keagamaan dijalankan serta pihak yang berwajib pula perlu mengambil tindakan yang tegas kepada sesiapa yang mencetuskan isu-isu sensitif berkaitan agama yang difikirkan boleh mengancam keselamatan negara tanpa sebarang tolok ansur dan prejudis. Akhirnya, Serom ingin merakamkan berbahagialah kita dunia dan akhirat kepada umat Islam dengan sambutan Maulidur Rasul 1435 H dengan tema Wassatiyah Tonggak Kesatuan Ummah. Kepada kaum Cina kita ucapkan Gong Xi Fatt Chai semoga tahun Kuda membawa tuah kepada anda dan marilah kita sama-sama memupuk perpaduan dan kerjasama yang erat lagi dan kita terus maju jaya kepada negara Malaysia yang kita cinta. Sekian terima kasih. Wabillahitaufiq walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Datuk Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Serom. Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikian ucapan 5 orang Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam ucapan tanggungan seperti yang sama-sama kita dengar sebentar tadi.

Sebelum saya menangguhkan Persidangan ini, saya menjemput dan mempersilakan semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dan semua Ketua-Ketua Jabatan ke dewan jamuan untuk jamuan tengah hari. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Terima kasih.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 12.40 tengah hari.**

## **PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

### **Jurutulis**

Cik Shubannah binti Yusuf

### **Penolong Jurutulis**

Encik Abdul Azim bin Shamsuddin

### **Koordinator**

Puan Asiah binti Moklis

### **Pembantu Penerbitan**

Puan Malina binti Mohd. Nasir  
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof  
Encik Ariff bin Abu Bakar

### **Pembantu Am Pejabat**

Encik Razine bin Sulaiman  
Encik Hamdan bin Markom  
Encik Mohd. Hassan bin Jamian  
Encik Norhayadi bin Hussien  
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi  
Encik Mohd. Norazri bin Kasim  
Encik Mohd. Sapri bin Manan

### **Setiausaha Pejabat**

Puan Saniah Kassim  
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor

Puan Azlin binti Bahrin  
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Junaidah binti Paing  
Pejabat Pengarah Perancang Bandar dan  
Desa Negeri Johor

Puan Rumiah binti Semirono  
Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor

Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi  
Pejabat Ketua Penolong Setiausaha  
SUK (Bahagian Kerajaan Tempatan)

Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak  
Pejabat Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran

Puan Zalinah binti Ali  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

Norhadiha binti Norudin  
Pejabat SUK Bahagian Audit Dalam

Cik Norhafizah binti Osman  
Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor

Puan Sarimah binti Said  
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor

Puan Hajah Rahimah binti Akbar  
Pejabat Speaker Dewan Negeri Johor

Puan Haironisha binti Zainal Abidin  
Pejabat Menteri Besar Johor

### **Rakaman**

Encik Nor Risam bin Esa  
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Mohd. Suhazli bin Mohd. Nordin  
Jabatan Penerangan Negeri Johor

UNIT DEWAN  
PEJABAT JURUTULIS  
DEWAN NEGERI JOHOR

20 FEBRUARI 2014